



MALAYSIA

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

PEMASHURAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 629]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 629]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 630]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 631]

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan) [Ruangan 660]

Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan) [Ruangan 662]

Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara) (Pindaan) [Ruangan 663]

Rang Undang-undang Acara Kewangan dan Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan) [Ruangan 666]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973 dan 1974) [Ruangan 670]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) [Ruangan 679]

Rang Undang-undang Persekutuan Pengakap-pengakap Malaysia [Ruangan 680]

Rang Undang-undang Politeknik Ungku Omar [Ruangan 688]

DICETAK OLEH

MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, J.S.M., KETUA PENGARAH PERCETAKAN
SEMANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1975

MALAYSIA

PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEEMPAT

Hari Khamis, 25hb Julai, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
- .. Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- .. Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- .. Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN LAU HIENG DING (Dilantik).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- .. TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- .. DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- .. TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- .. TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- .. TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- .. DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- .. DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- .. TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- .. DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- .. PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID (Dilantik).
- .. DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- .. TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- .. DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- .. DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- .. TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- .. TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- .. TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- .. TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- .. DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMED, P.G.D.K. (Sabah).
- .. DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- .. TUAN LEW SIP HON (Dilantik).
- .. DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- .. DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- .. TUAN G. LOUIS, J.P. (Dilantik).
- .. DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).
- .. DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- .. TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- .. DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- .. DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- .. TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- .. TUAN OOI ENG HONG (Kedah).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- .. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- .. TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- .. TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR :

Yang Berhormat TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.J. (Johor).
„ DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).

YANG HADIR BERSAMA :

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
„ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara, Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PERMASYURAN YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mem-persetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Akta Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (Pindaan), 1974;
- (2) Akta (Perbadanan) Institiut Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan (Pindaan), 1974;
- (3) Akta Pemegang Amanah Raya (Pindaan), 1974;
- (4) Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan), 1974;
- (5) Akta Perlindungan Pihak-berkuasa Awam (Pindaan), 1974;
- (6) Akta Cukai Jualan (Pindaan), 1974;
- (7) Akta Cukai Pendapatan (Carum dan Pembayaran Balik Stok Penimbal Timah), 1974; dan
- (8) Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara memersetujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan itu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara memersetujukannya.

- (1) Rang Undang-undang Acara Kewangan dan Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan);
- (2) Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun);
- (3) Rang Undang-undang Politeknik Ungku Omar;
- (4) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara) (Pindaan);
- (5) Rang Undang-undang Pecen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Pecen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan);
- (7) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973 dan 1974);
- (8) Rang Undang-undang Persatuan Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan);
- (9) Rang Undang-undang Racun Makhlok Perosak;
- (10) Rang Undang-undang Doktor Veterinar; dan
- (11) Rang Undang-undang Persekutuan Pengakap-pengakap Malaysia.

Tandatangan:

YANG DI-PERTUA
DEWAN RAKYAT".

URUSAN MESYUARAT

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan semua Rang Undang-undang yang tersebut di bawah ini dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

- (1) Rang Undang-undang Acara Kewangan dan Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan);
- (2) Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun);
- (3) Rang Undang-undang Politeknik Ungku Omar;
- (4) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara) (Pindaan);
- (5) Rang Undang-undang Pecen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan);

- (6) Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan);
- (7) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973 dan 1974);
- (8) Rang Undang-undang Persatuan Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan);
- (9) Rang Undang-undang Racun Makhlok Perosak;
- (10) Rang Undang-undang Doktor Veterinar; dan
- (11) Rang Undang-undang Persekutuan Pengkap-pengkap Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENGGANAS KOMINIS— LEBUHRAYA TIMUR-BARAT

1. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada pengganas-pengganas kominis yang bertanggungjawab memusnahkan kereta dan jentera di Lebuhraya Timur-Barat baru-baru ini telah ditangkap.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, pengganas kominis yang menjalankan kerja khianat Lebuhraya Timur-Barat baru-baru ini belum lagi dapat ditangkap.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah Kerajaan tidak sedar kawasan itu satu kawasan yang merbahaya, maka tidak ada kawalan-kawalan di kawasan yang ditempatkan barang-barang yang berharga untuk membina Lebuhraya itu?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kawalan memang ada, tetapi disebabkan pembinaan Lebuhraya itu telah begitu panjang dari satu tempat ke satu tempat, maka kedudukan kawalan ini sudah jadi tidak lagi dapat didekatkan atau dihindarkan ke satu tempat seperti di masa mula-mula Lebuhraya itu dibina dahulu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab gangguan yang dibuat oleh kominis ini adalah melibatkan penghidupan rakyat pada masa depan, apakah yang telah berlaku kepada gangguan ini atau pengkhiantaan ini dan adakah ikhtiar atau usaha bagi menjalankan projek ini tergendala. Kalau tergendala, berapa lama pengendalian itu boleh berlaku?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha bagi meneruskan pembinaan jalan ini tetap dijalankan, tetapi disebabkan pengkhianatan dilakukan oleh gerombolan kominis yang datang daripada Thailand ini, maka pembinaan ini harus mengambil masa setahun lebih kurang daripada jadual yang telah ditetapkan iaitu setahun lambat daripada jadual.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan berpendapat bahawa perbuatan ini semata-mata dibuat oleh kominis daripada Thailand sahaja ataupun orang-orang yang dalam Malaysiakah?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang maklumat yang disampaikan kepada Kerajaan, kira-kira 70 orang pengganas kominis ini semuanya datang daripada selatan Thailand, dan telah menyusup masuk ke kawasan kita dan telah membinasakan 68 buah jentera yang sedang ditempatkan di situ.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan tadi bahawa oleh kerana jalan ini terlalu panjang, maka tidaklah dapat dikumpulkan semua jentera-jentera ini untuk dikawal. Oleh kerana kita tidak dapat memendekkan jalan ini adakah ini bermakna bahawa kita tidak akan dapat mengawal jentera-jentera yang baru dibeli untuk mengganti jentera-jentera yang telah dimusnahkan itu.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, pepatah Melayu ada berkata; sekali jalan terkena, dua kali jalan tahu. Sekarang ini kawalan yang rapi telahpun dibuat, dan insya Allah rasanya kalau kominis ini berani dekat, maka mereka ini akan menerima padahnya.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Perkara ini terjadi bukan kali pertama, tetapi sebenarnya kali yang kedua. Kali yang pertama kejadian ini berlaku di Kuching di mana lebih daripada \$3 juta jentera yang begini telah rosak dibinasakan oleh pihak komunis. Mengapakah pihak Security Forces tidak mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengumpul dan menjaga kawasan-kawasan tadi oleh askar-askar?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, keadaan-keadaan berjaga-jaga itu memang dikenakan kepada keselamatan jentera-jentera ini, tetapi seperti yang saya katakan tadi jalan ini terlalu panjang dan kebetulan pula waktu itu ada hujan sedikit-sedikit, maka jentera-jentera ini tidak dapat dibawa balik ke kemah yang biasa, kerana jauh seperti yang saya sebutkan tadi. Meskipun ini kali yang kedua berlaku kalau dibandingkan dengan yang pertama di Sarawak, tetapi pada anggapan Pasukan Keselamatan di Sarawak dengan keadaan tempat itu agak berbeza sedikit. Inilah sebabnya berlaku, tetapi saya di sini memberi akuan bahawa insya Allah kejadian yang kedua mungkin tidak akan berlaku lagi.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, berjuta-juta ringgit telah musnah kerana pengkhianat ini, tetapi berapakah sebenarnya jentera yang telah rosak pada keseluruhannya? Adakah seluruh jentera itu telah tidak boleh digunakan lagi atau sebahagian sahaja yang hanya perlu digantikan dengan spare parts?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jentera ini bukanlah musnah semuanya—tidak. Cuma perkakas-perkakas jentera ini sahaja yang rosak. Yang penting bagi perkakas-perkakas ini ialah jentera bagi menggerakkan tubuh badan perkakas-perkakas ini. Sekarang ini sedang dibaiki dan jumlah jentera ini untuk pengetahuan Yang Berhormat ialah 68 buah dan kerugian dianggarkan lebih \$3.5 juta. Walaupun kejadian ini baru berlaku, nampaknya menjadi pandangan yang agak menarik kepada kedua-dua Dewan Parlimen kita, tetapi tidaklah ertinya seluruh jentera itu, seperti saya katakan tadi musnah atau hancur. Boleh dikatakan jentera itu dapat kita baiki lagi dan usaha membaikkannya sedang dijalankan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya jentera itu tidak dimusnahkan seluruhnya, maka nyata-lah ada satu usaha pengkhianat yang mungkin berlaku dari orang ataupun dari dalam badan kita sendiri. Adakah Kementerian ini telah dapat mengesan bahawa ada pengkhianat itu dari dalam sehingga tahu mana benda yang patut dirosakkan dan jika sekiranya komunis atau orang yang jahat sahaja mungkin agaknya dia melepaskan satu-satu bom, pecah semua sekali dengan tidak mengira mana yang patut hendak dirosakkan, tetapi mereka ini tujuan kepada satu-satu perkara yang penting di dalam jentera itu. Adakah ini satu pengkhianat juga sebagai subersif di dalam badan kita sendiri, dan jika ya, sejauh manakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyiasat perkara ini?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, sejauh ini siasatan yang dijalankan oleh Pasukan Keselamatan kita menunjukkan iaitu dari pakar-pakar yang mengerti dalam hal ini, kerja-kerja pengkhianatan tersebut telah dijalankan oleh mereka yang memang telah dilatih dalam soal memusnahkan jentera-jentera ini dengan menggunakan alat letupan. Setakat ini dari penyiasatan Pasukan Keselamatan kita menunjukkan bahawa pengkhianat ini adalah datang dari Selatan Siam sebenarnya dari kira-kira 70 orang pegganas komunis yang telah berpecah kepada 3 kumpulan bagi membinasakan jentera-jentera itu.

MANGSA-MANGSA BANJIR LUAR BANDAR

2. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) samada benar bahawa ratusan ribu ringgit dibelanjakan untuk memindah mangsa-mangsa banjir di luar bandar pada tiap-tiap tahun dan memindahkan mereka semula selepas banjir; dan
- (b) samada Kerajaan dapat membuat satu rancangan memindahkan mereka ke satu kawasan terselamat dan dengan jalan ini dapat menyelamatkan wang.

Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar bahawa ratusan ribu ringgit telah dibelanjakan untuk memindahkan mangsa-mangsa banjir di luar bandar. Sungguhpun

pemindahan berlaku sewaktu banjir tetapi belanjanya tidaklah sampai ratusan ribu kerana biasanya orang-orang yang terlibat pergi ke pusat-pusat pemindahan dengan sendirinya.

Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa pemindahan orang-orang yang tinggal di kawasan-kawasan yang mudah dibanjiri air itu ada dalam perhatian Kerajaan-Kerajaan Negeri. Sebenarnya beberapa buah Kerajaan Negeri telahpun memulakan rancangan-rancangan untuk menempatkan semula orang-orang ini.

Di Perak, misalnya, sejumlah 329 keluarga telah ditempatkan semula di Daerah Batang Padang, Hilir Perak dan Grik. Ada juga rancangan-rancangan lain bagi menempatkan lebih ramai lagi di Daerah Grik dan Kuala Kangsar tetapi rancangan-rancangan ini sedang dihalusi.

Di dalam Negeri Pahang sejumlah 1,230 keluarga di Daerah Jerantut, Pekan, Temerloh, Kuantan, Bentong, Kuala Lipis, Rompin dan Raub telah ditempatkan semula. Penempatan semula bagi 1,563 keluarga lagi di Jerantut, Temerloh, Kuala Lipis dan Pekan sekarang sedang diurus. Rancangan-rancangan sedang disediakan bagi menempatkan semula 3,880 keluarga lagi di bawah peringkat 3 dan peringkat 4.

Di dalam Negeri Johor 18 keluarga telah ditempatkan semula di Muar dan 54 keluarga di Mersing.

Rancangan-rancangan yang serupa sedang dijalankan di Kelantan tetapi setakat ini cuma 10 keluarga telah ditempatkan di Pasir Besar dan Kampung Guh oleh kerana kurang sambutan dari orang-orang yang terlibat.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa usaha pemulihan banjir adalah diusahakan oleh Kerajaan Negeri yang rakyatnya terlibat, sedangkan Kerajaan Negeri menggunakan banyak wang malah berpuluh-puluh juta ringgit. Sekiranya hendak ditempatkan mangsa-mangsa banjir, terutama di Negeri Pahang adakah Kerajaan Persekutuan bercadang mengambil bahagian sama dalam usaha memulihkan mangsa-mangsa banjir ini bersama-sama dengan Kerajaan Negeri yakni

sama-sama bertanggungjawab, sama-sama mengeluarkan belanja dan sama-sama menguruskan.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menerangkan dalam masaalah pemulihan banjir ini, Kerajaan Persekutuan memanglah terlibat. Misalnya, rancangan pemulihan petani-petani yang sawah-sawah mereka telah dibanjiri air di Perlis adalah memakan belanja yang banyak dan berpuluh-puluh ribu ringgit telahpun dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memulihkan kehidupan orang-orang yang terlibat ini. Ini bermakna tidaklah semata-mata tanggungjawab Kerajaan Negeri, tetapi Kerajaan Persekutuan juga mempunyai tanggungjawab dalam bidang-bidang tertentu.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan saya berterima kasih dan bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi biarlah saya katakan misalnya pemulihan banjir di Negeri Pahang mengikut peruntukan berjumlah \$70 juta, tetapi Kerajaan Persekutuan memberi pinjaman sebanyak \$7 juta. Apa yang saya bangkitkan sekarang ini adakah jumlah yang sebanyak \$70 juta itu Kerajaan Persekutuan bercadang mengambil bahagian bersama memberi peruntukan kepada Kerajaan Negeri, bukan dengan cara pinjaman.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Bencana Negara sentiasa memikirkan dari masa ke semasa cara manakah memberikan pertolongan kepada negeri-negeri yang ditimpa oleh malapetaka termasuk juga banjir.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar, tetapi sepanjang yang saya hendak ketahui sekarang, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu bahawa Kerajaan Negeri ada membuat permohonan supaya mengambil bahagian bersama dengan Kerajaan Persekutuan, kerana mangsa banjir ini adalah mangsa-mangsa banjir negara yang pada hakikatnya Kerajaan Persekutuan mesti bersama. Adakah Kerajaan Negeri telah membuat permohonan?

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya belum lagi, adakah Kerajaan Persekutuan ber-cadang menimbangkan permohonan ini?

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini belum timbul lagi.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya bencana banjir ini merupakan bencana yang setiap tahun berlaku di negara kita ini. Manakala banjir ini berlaku bukanlah ianya dipikul oleh satu Jabatan atau satu negeri sahaja, tetapi dipikul bersama oleh negara kita pada keseluruhannya. Oleh kerana banjir ini bukan perkara baru kepada kita, tetapi telah menjadi tiap tahun kita rasakan, saya hendak bertanya satu sahaja iaitu apakah rancangan Kementerian pada masa yang akan datang kelak, tidak hanya ditumpukan kepada bantuan selimut, baju, ikan sardin, tetapi membuatkan satu rancangan yang lebih berkesan supaya tidak berulang-ulang penderitaan itu mereka terima, dan berulang-ulang kita membelanjakan wang sedangkan tempatnya kita mengetahui. Apakah rancangan Kementerian ini supaya hal-hal yang seperti itu dapat diusahakan dan tidak berulang-ulang kita memberikan bantuan yang sama?

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan juga tadi iaitu rancangan penempatan semula ini dijalankan oleh Kerajaan Negeri, tetapi setengah-setengah di antara kes-kes yang terlibat itu adalah memerlukan lagi banyak perkara sebelum mereka itu dapat ditempatkan semula.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perkara banjir ini sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu terjadi pada tiap tahun; bukan sahaja di sini, bahkan juga di Sabah dan Sarawak. Adakah Kementerian mengambil apa-apa tindakan untuk membuat sesuatu rancangan di Sabah daripada segi flood control.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Saya rasa Jabatan Kebajikan Masyarakat, Sabah ada menjalankan bantuan-bantuan, tetapi sukalah saya menerangkan Kementerian Kebajikan Am tidak ada rancangan untuk flood control, kerana kita telah mengadakan satu jawatankuasa khas untuk ini.

LAWATAN KE CHINA— PERMOHONAN

3. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah permohonan yang memohon untuk melawat ke Republik Rakyat China pada tahun lalu dan berapakah yang ditolak;
- (b) apakah syarat-syarat atau sebab-sebab yang Menteri anggapkan sebagai sah untuk melawat Republik Rakyat China;
- (c) semenjak Malaysia dan Republik Rakyat China telah mengumumkan penuhan perhubungan diplomatik di antara kedua-dua negeri, adakah Menteri akan menimbang melonggarkan peraturan-peraturan Imijeresen sekarang supaya membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia melawat negeri China untuk pelancungan, perdagangan pengkajian perubatan dan saintifik dan tukar-menukar kesenian dan kebudayaan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Jumlah bilangan permohonan untuk mendapat kebenaran melawat negeri China dibuat pada tahun lalu ialah 8,849. Permohonan yang telah ditolak ialah 460.
- (b) Untuk menjawab soalan (b) dan (c) dan juga soalan-soalan yang sama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan ini saya suka menyatakan bahawa buat masa ini pelancung-pelancung yang boleh ditimbangkan untuk mendapat kebenaran melawat ke negeri China adalah bagi tujuan-tujuan berikut:
 - (i) lawatan kerana menziarahi waris-warisan yang rapat seperti ibubapa, anak-anak dan adik-beradik;
 - (ii) lawatan kerana hendak mendapat rawatan perubatan bagi penyakit yang difikirkan merbahaya dan rawatan itu tidak dapat diperolehi di Malaysia. Kebenaran biasanya diberi lagi mendapatkan rawatan perubatan kerana penyakit barah (cancer), lumpuh, buta, pekak dan lain-lain sungguhpun rawatan boleh didapati di negeri ini kerana untuk

memberi peluang kepada si pesakit mendapat rawatan di luar negeri;

- (iii) lawatan atas tujuan-tujuan tertentu yang diberi kebenaran khas oleh Kerajaan seperti menghadiri Canton Trade Fair, dan rombongan-rombongan sukan.

Walaupun demikian dasar ini sedang dikaji sekarang untuk disesuaikan dengan keadaan baharu iaitu selepas terjalannya hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Republik Rakyat China untuk menentukan jika perlu dibuat apa-apa perubahan. Sehingga dasar baharu dibuat, peraturan sekarang akan terus berjalan. Dalam penentuan dasar baharu itu, kepentingan negara dan keselamatan akan menjadi faktor-faktor utama yang perlu dititikberatkan.

Mengenai lawatan warganegara-warganegara Republik Rakyat China ke negeri ini, dasar sekarang juga akan dikaji semula dengan tujuan untuk menyesuaikan dengan keadaan baharu ini.

SIJIL-SIJIL KEWARGANEGARAAN

4. **Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau akan melonggarkan syarat-syarat yang ditetapkan bagi pengeluaran sijil-sijil kewarganegaraan kepada mereka yang telah bertahun-tahun bermastautin di Malaysia bagi menyatukan penduduk-penduduk di negara ini.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini melanggar peruntukan Seksyen 3 (1) (f) Akta Hasutan, 1948. Oleh itu, saya tidak menjawabnya.

JALAN TRIANG— KEMENYAN PAHANG

5. **Datuk Chong Foo Khin** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan:

- (a) samada jalan Triang/Kemenyan, Pahang sudah diperbaiki atau belum; dan
- (b) jika telah dijalankan kerja membaikinya, bilakah kerja-kerja tersebut dapat disiapkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini kerja-kerja membaiki Jalan Triang—Kemenyan, Pahang sedang dijalankan.
- (b) Kerja-kerja tersebut dijangka akan siap pada pertengahan tahun 1976.

PERSIDANGAN ISLAM— ROMBONGAN

6. **Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) bilakah tarikh sebenarnya rombongan Malaysia yang diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul-Rahman Ya'kub dalam tahun 1968 pergi keluar negeri untuk merintis jalan bagi persidangan Islam;
- (b) nama anggota-anggota rombongan itu;
- (c) berapa lama rombongan itu berada di luar negeri; dan
- (d) jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk maksud ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat adalah seorang daripada ahli-ahli rombongan itu dan sudah tentu Ahli Yang Berhormat mengetahui jawapan-jawapan kepada soalan-soalannya itu, dan saya fikir tidak payah saya huraikan dengan panjang, melainkan kalau dia berkehendakkan juga.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya lupa apabila saya berhenti daripada jawatan Kerajaan, sebab itu saya bertanya balik dan saya memerlukan jawapan itu.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, rombongan Malaysia itu yang diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Abdul-Rahman Ya'kub telah melawat Indonesia pada 27hb Jun, 1968 dan kemudian melawat Pakistan, Afghanistan dan negara-negara Asia Barat di antara 21hb Julai hingga 19hb September, 1968. Rombongan yang diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Abdul-Rahman Ya'kub itu dianggotai oleh Tan Sri Abdul Jalil Hassan, Yang terhormat Tuan Haji Abu Bakar Hamzah dan seorang pegawai Kementerian Luar Negeri Encik Ali bin Abdullah.

Lawatan rombongan itu mengambil masa hampir dua bulan oleh kerana jumlah negara-negara yang dilawati itu sebanyak 15 buah negeri. Jumlah wang yang dibelanjakan ialah \$44,054.47 sen. 15 buah negara yang telah dilawati oleh rombongan Malaysia yang diketuai oleh Datuk Abdul-Rahman Ya'kub itu ialah Indonesia, Pakistan, Afghanistan, Iraq, Iran, Saudi Arabia, Kuwait, United Arab Republic, Tunisia, Algeria, Morocco, Turkey, Lebanon, Syria dan India.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Peguam Negara telah menyebutkan bahawa anggota yang menyertai rombongan itu termasuklah Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah. Saya hendak bertanya waktu Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah dimasukkan ke dalam senarai anggota itu, adakah beliau itu mewakili dirinya, atau satu-satu partai politik di dalam negara ini pada waktu itu?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu hendak menjawab, kerana pada tahun 1968 saya belum jadi Menteri lagi. Saya rasa seseorang yang pergi mengikuti rombongan yang diketuai oleh seorang Menteri itu semuanya ialah rombongan (delegate) daripada negeri Malaysia. Beliau itu ahli delegate Malaysia, maknanya dipilih oleh Kerajaan negara kita mewakili negara Malaysia tetapi dia daripada Parti Islam. Ahli yang lain-lain seumpama Tan Sri Abdul Jalil Hassan itu perkara lain.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjawab apakah motif pertanyaan itu dikemukakan. Adakah kerja jasanya maka persidangan Islam yang baru diadakan di Kuala Lumpur itu patut dikenang atau diberi "bintang" atau kerana dekat pilihanraya ini menjadi alasan kempennya?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Tuhan sahaja yang mengetahui tujuan-tujuan seseorang itu. (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin memberi ulasan. Saya sedang menulis sebuah buku, jadi saya hendakkan kenyataan yang tepat. (*Ketawa*).

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya samada rombongan ini dihantar oleh kerana tujuan agama ataupun tujuan politik, dan jika tujuannya adalah bersangkut-paut dengan agama, adakah patut perkara ini digunakan untuk kepentingan politik mana-mana pertubuhan?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan menghantar ini ialah kerana tujuan hendak mengembangkan agama Islam kita dan membaca Qur'an dan hendak meninggikan nama baik Kerajaan Negeri ini. Kalau ada tujuan lain itu, wallahualam, saya tidak tahu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Peguam Negara telah menyebutkan tadi, jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh rombongan ini, dan dapatkah Yang Berhormat bagikan kepada tiap-tiap seorang daripada rombongan itu berapa ribu ringgit yang Berhormat itu menggunakan wang yang sebanyak itu? (*Ketawa*)

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Yang kita tahu 4 orang pergi, Menteri, rasa saya belanja lebih sedikit daripada yang tiga orang, boleh agak sahajalah. Belanja \$40,000 tetapi menjelajah sebanyak 15 buah negeri. Saya tidak dapat tahu beberapa seseorang belanja. Jadi, lebih kurang saya fikir selain daripada Yang Berhormat Menteri, yang lain itu sama.

SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK— KURANGKAN LORI-LORI

7. Datuk Wan Ibrahim bin Wan Tanjung minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) samada Kerajaan dapat menerangkan sebab-sebab syarikat-syarikat minyak mengurangkan bilangan lori-lori minyak yang biasa dihantar ke stesyen-stesyen penjual mengikut sesuka hati mereka tanpa memberitahu terlebih dahulu;
- (b) samada Kerajaan telah diberitahu sebelum syarikat-syarikat minyak memotong quota yang biasa dihantar kepada semua stesyen-stesyen penjual di seluruh negara;

- (c) samada Kerajaan sedar bahawa dengan sebab syarikat-syarikat minyak mengurangkan jumlah quota yang biasa kepada penjual runcit maka harga minyak telah naik dari 12 hingga 42 sen segelen dan jika sedar, apakah tindakan yang telah diambil setakat ini;
- (d) samada Kerajaan sedar bahawa kekurangan minyak diesel telah menyebabkan kenaikan harga setengah barang-barang; dan
- (e) oleh kerana Kerajaan sendiri telah mengakui minyak ialah suatu sumber negara dan kita tidak perlu berasa bimbang, samada Kerajaan boleh menjelaskan sebab-sebab maka Kerajaan bersetuju dengan kenaikan harga minyak padahal syarikat-syarikat minyak telahpun mendapat keuntungan berjuta-juta ringgit.

Datuk Wan Ibrahim bin Wan Tanjung: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Peguam Negara menjawab, saya suka membetulkan angka. Yang saya maksudkan dalam ceraihan (c) itu bukan 12 sen, yang sebenarnya \$1.20 sehingga \$1.40.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, jawapan-jawapan ini, saya menjawab bagi pihak Menteri lain. Kalau dipinda dengan serta-merta, maka tidak dapat saya hendak membetulkan lagi. Walau bagaimanapun, saya cuba menjawabkan iaitu:

- (a) Setelah menyelidiki perkara tersebut dari syarikat-syarikat minyak, perbuatan yang dikatakan itu tidak berlaku. Sebaliknya, syarikat-syarikat minyak menghantar lori-lori mereka mengikut jadual yang ditetapkan pada tiap-tiap minggu. Malah syarikat-syarikat yang menapis minyaknya di sini (Malaysia), telah menambah bilangan lori-lori mereka dan terkadangkala menyewa lori-lori bagi memenuhi permintaan yang kian meningkat. Bagi pihak syarikat-syarikat yang mengimpot bahan-bahan petroleum dari luar negeri mereka juga mengikut jadual dan mereka tidak pernah memberi arahan bagi mengurangkan lori-lori. Walau bagaimanapun, kelambatan menerima bekalan mungkin berlaku disebabkan kerosakan lori dan sebagainya.

- (b) Mengenai potongan apa yang dikatakan quota itu, Kerajaan telahpun diberitahu oleh syarikat minyak sebelum mereka mengambil tindakan menghadkan bekalan yang mereka impot dari luar kepada had bekalan tahun 1973 sahaja termasuk 5—6% tambahan yang dianggarkan.

- (c) adalah diharapkan Ahli Yang Berhormat menerangkan apakah jenis minyak yang dinaikkan harganya.
- (d) Sepanjang pengetahuan Kerajaan tidak ada barang-barang yang telah naik harganya akibat kekurangan diesel, terutama tambang pengangkutan.
- (e) Kenaikan harga minyak ialah disebabkan oleh kenaikan harga minyak mentah sebanyak lebih kurang 200% daripada 16hb Oktober, 1973 hingga sekarang, dan keuntungan yang dilaporkan itu bukanlah dari pihak perniagaan syarikat tempatan yang ada di Malaysia ini, tetapi bagi perniagaan syarikat antarabangsa keseluruhannya.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Peguam Negara tadi menyatakan bahawa keuntungan yang didapati oleh syarikat ini ialah syarikat luar negeri, walau apa pun kita dapat memahamkan bahawa syarikat-syarikat minyak ini adalah mendapat keuntungan. Berkenaan dengan kekurangan minyak pada masa-masa yang akhir ini sebelum dinaikkan harga minyak diesel daripada 92 sen kepada seringgat, pada saat itu kita dapati minyak diesel sangat kekurangan, terutama sekali di Pantai Timur sehingga pengangkutan terlibat dengan kekurangan itu, tetapi manakala Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan harga minyak ini daripada 92 sen kepada \$1.00 dengan serta-merta minyak itu ada. Dengan lain perkataan, nyatalah bahawa syarikat-syarikat ini melakukan sorok di dalam negara kita ini yang menyebabkan orang-orang yang mencari wang, mencari rezki dengan teksi dan lori dan sebagainya terlibat. Mengikut undang-undang kita, orang yang menyorokkan barang-barang keperluan itu adalah suatu kesalahan. Dalam talivisyen kita tengok bahawa kita semuanya disuruh menjadi kakitangan, mata dan telinga Kerajaan untuk melapor kepada Kerajaan. Kalau sesuatu syarikat kecil kita boleh menangkap, tetapi apakah

tindakan Kerajaan terhadap sikap syarikat-syarikat minyak ini yang telah menyorokkan minyak ini. Pada fahaman saya menyorokkan minyak ini sehingga Kerajaan bersetuju menaikkan \$1.00 segelen baru minyak itu tidak lagi ditahan, semua orang dapat minyak sampai sekarang. Adakah ini masuk istilah sorok, dan kalau ia, apakah tindakan Kerajaan terhadap syarikat-syarikat yang telah menyusahkan rakyat? Kalau tidak apakah erti sorok, sedangkan yang makna sorok itu tidak didapati dalam jualan pasaran, dan manakala sudah dinaikkan baru ada, tidak kah ini makna sorok? Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Peguam Negara.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu bahawa minyak tidak termasuk di bawah Undang-undang Kawalan berkenaan dengan sorok atau barang-barang yang dikatakan price control. Sekiranya mustahak pada masa akan datang: minyak petrol dan minyak diesel adalah sangat mustahak, sebagaimana pengalaman kita pada masa yang lepas ini, Kerajaan akan timbangkan samada hendak dimasukkan di bawah price control sebagai barang-barang yang mustahak. Kalau ada pada masa akan datang kekurangan minyak, dan kalau ada syarikat-syarikat yang menyorokkannya kita boleh ambil tindakan.

Yang keduanya, betul. Apakala kita menaikkan harga \$1 sekarang kita dapati minyak mencukupi. Sebenarnya, bukan semua minyak diesel itu dibuat dan ditapis di Malaysia ini. Sebelah Selatan Malaysia, misalnya, diimpot dari Singapura, kerana ianya dekat. Tetapi apakala harga minyak di negeri kita 92 sen dan di seberang yang jauhnya cuma $\frac{1}{2}$ batu harganya \$1, maka tidak dapat tidak minyak yang sepatutnya hak Selatan Johor telah kurang dihantar, sebab itulah selalu kekurangan di sebelah Johor itu, kerana perbezaan harga. Kekurangan minyak itu bukan disorok tetapi tidak diimpot. Sebenarnya bukan semua minyak diesel yang ada dalam negeri ini tidak mencukupi, kerana barang-barang yang di sebelah Selatan datangnya daripada Singapura. Sekarang harga minyak diesel kita sama dengan harga dengan yang di Singapura, nampaknya tidak ada kekurangan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar perkara ini dan telah mengambil satu pelajaran dan memandang berat supaya perkara ini tidak akan berlaku pada masa akan datang.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apa tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi memberikan amaran kepada syarikat-syarikat ini supaya tidak melakukan perbuatan yang menyusahkan rakyat seperti yang telah berlaku supaya tidak berulang lagi perkara yang seperti ini?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita telah sedar harganya seringgit, dan kalau pada masa akan datang didapati ada syarikat-syarikat yang akan membuat sesuatu kegiatan yang mengendalakan atau merusakkan perindustrian dan kegiatan ekonomi negara, saya percaya tindakan kita boleh diambil, kerana lesen mereka itu adalah di tangan kita. Keduanya, kita akan memikirkan banyak perkara lain pada masa akan datang berkenaan dengan minyak ini, kerana kita akan tambah minyak pada masa akan datang, samada negara kita sendiri akan membuat kilang minyak pada masa akan datang atau menambah lagi kilang-kilang minyak supaya dua tiga kilang yang ada dalam negeri ini tidak boleh dikatakan bersatu hati memonopolikan atau control ekonomi negara kita.

Datuk Wan Ibrahim bin Wan Tanjong: Adakah Kerajaan sedar semenjak Kerajaan bersetuju menaikkan harga minyak sebanyak 58 sen, di tempat saya harganya sepatutnya \$1.06, tetapi penjual itu menjual \$1.20. Apakah tindakan yang patut diambil oleh Kerajaan sekiranya didapati perkara itu diberitahu?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Kalau dapat Yang Berhormat selepas mesyuarat ini memberitahu di mana petrol station yang menjual harga minyak itu, Kementerian akan mengambil tindakan dalam perkara ini.

GAMBAR MAO TZE-TUNG DAN KEWARGANEGARAAN

8. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) dengan tertubuhnya hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Republik Rakyat China baru-baru ini, samada menjadi kesalahan atau tidak bagi rakyat Malaysia mempunyai gambar-gambar dan cogan-cogan kata Presiden

Mao Tze-Tung atau buku-buku, majallah-majallah dan bendera-bendera Komunis dari negeri China sekarang ini; dan

- (b) adakah Kerajaan bercadang hendak melonggarkan syarat-syarat pengeluaran sijil-sijil kerakyatan Malaysia kepada orang-orang Malaysia keturunan China seramai 200,000 yang tidak mempunyai warganegara sekarang.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) saya kurang faham berkenaan dengan istilah kesalahan atau maksudnya di dalam soal ini samada kesalahan itu mengenai jenayah atau kesalahan dari pandangan rakyat umum yang taat setia kepada negara. Dari segi jenayah mempunyai gambar Pengerusi Mao atau bendera Republik Rakyat China tidak melanggar apa-apa undang-undang. Berkenaan dengan buku-buku, akhbar-akhbar dan cogan-cogan kata, mempunyai menjadi kesalahan jika buku-buku, akhbar-akhbar, dan cogan-cogan kata itu telah diistiharkan haram atau perasangka terhadap keselamatan negara. Dasar ini bukan sahaja diarahkan kepada Republik Rakyat China bahkan kepada semua negara asing.
- (b) Berhubung dengan perkara memberi taraf kewarganegaraan kepada orang-orang yang tinggal tetap dalam negeri ini saya suka menyatakan bahawa mereka ini bolehlah membuat permohonan kepada Kerajaan. Cara-cara mendapatkan kewarganegaraan adalah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia dan pertimbangan yang diberi mengikut merit sesuatu permohonan itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu ucapan atau penjelasan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri sekembalinya daripada Peking baru-baru ini, bahawa orang-orang China yang memegang kerakyatan Malaysia terputus dengan sendirinya hak kewarganegaraan di tempatnya yang asal, ataupun keurunan negeri China tidak ada lagi hubungannya dengan negeri China dan terserahlah kepada negara ini sendiri menghadapi masalah warganegaraannya yang telah diterima menjadi warganegara itu.

Soalnya sekarang kalau kita dapati seseorang warganegara keturunan China yang menggunakan bendera negeri asalnya ataupun dia menggunakan buku-buku yang bercorak Mao, adakah ini satu larangan dan sebagai satu kesalahan oleh Kerajaan kita?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan tadi bahawa setiap rakyat negara manapun yang telah menjadi rakyat negara ini adalah terputus hubungannya dengan negara asal mereka itu. Jika sekiranya rakyat yang berasal dari satu-satu negara itu masih lagi mengagungkan pemimpin-pemimpin negara itu dan bendera-bendera negara itu nyatalah bahawa mereka itu boleh dianggap sebagai orang yang tidak taat setia kepada negara ini. Jadi ini, dari segi jenayah sebagaimana disebutkan tadi memang tidak salah, tetapi dalam taat setia kepada negara ini tetaplah kita menaruh syak-waham di atas kesetiannya. Oleh itu, saya suka menjelaskan sekali lagi hubungan diplomatik negara kita ini dengan negara China tidak ada hubungannya atau tidak ada kaitannya dengan seseorang yang telah tinggal tetap dalam negara ini untuk mendapat kerakyatan, kerana Perlembagaan kita telah nyata dan terang bukan bererti hubungan diplomatik dengan negara kita dan negara China, maka Perlembagaan kita dipinda, begitu juga hubungan diplomatik kita dengan negeri Russia dahulu. Ertinya, tidak ada kaitannya Perlembagaan negeri kita ini dengan hubungan diplomatik dengan negara manapun di antara negara kita.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan. Mungkin pendapat saya ini salah iaitu hubungan diplomatik di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China itu sebenarnya belum lagi berjalan, hanya apa yang kita tahu nampaknya ke arah pencapaian hubungan diplomatik itu sudah ada, tetapi hubungan diplomatik yang rasmi belum dilaksanakan. Dan kalau mengikut apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tentang ketaatsetiaan seorang warganegara yang tidak lagi mengagungkan tempat negeri asalnya, adakah suatu kesalahan ataupun satu tindakan harus diambil kepada seorang warganegara, dari manapun juga asalnya yang masih kita curigai tentang ketaatsetiaannya kepada negara ini. Adakah dengan kecurigaan itu kita boleh melucutkan kewarganegaraan yang telah didapati oleh mereka itu?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Peguam Negara menjawabnya.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu mesti kita kaji dari segi Perlembagaan. Kalau ada perbuatan-perbuatannya itu menyalahi syarat-syarat melucutkan warganegara seseorang itu, maka kita akan jalankan.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak mendapat pengesahan daripada Timbalan Menteri yang mengatakan tadi tidak melanggar undang-undang kiranya dibawa masuk gambar-gambar Mao Tze-Tung ke negara kita ini. Saya hendak bertanya adakah menjadi kesalahan kiranya gambar-gambar Mao itu digantung di tempat-tempat orang ramai? Apabila telah dibawa masuk dan digantung in public places, salah atau tidak dari segi undang-undang? Ini yang saya hendak dapat pengesahan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab atas perkara itu. Tiap-tiap satu kesalahan itu adalah satu kesalahan di bawah undang-undang yang kita telah luluskan dalam Parlimen dan di kedua-dua Dewan. Kalau document yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu sebagai subversive document, maka adalah satu kesalahan. Kalau belum ada, maka tak salah. Kalau kita merbahaya, kita tambah lagi, itu jawabnya.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Adakah gambar Mao termasuk di bawah apa yang dikatakan itu?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Pada masa ini saya belum lagi menyemak undang-undang ini. Rasa saya gambar Mao sahaja tidak ada dalam undang-undang itu, melainkan yang lain. Misalnya, kalau kita ada perhubungan duta, gambar Mao Tze-Tung sebagai Ketua Negara China boleh ada di sini, seperti gambar King Saudi Arabia dan gambar-gambar lain, tetapi apakah perkataan di bawah gambar itu. Apa tujuannya, adakah untuk propaganda? Itu yang kita kena fikir mengenai hal itu. Itu jawabnya.

Tan Sri Mohamed Noor Tahir (T.H.)
Tan: Soalan tambahan. Dalam beberapa tahun yang lalu Kerajaan telah terima beratus-ratus permohonan oleh orang asing yang daripada Malaysia yang duduk di Republik Rakyat China. Oleh kerana Malaysia telah ambil keputusan mengadakan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China adakah Kerajaan kita bercadang timbang semula permohonan-permohonan tersebut?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu, kebanyakan mereka yang balik ke Republik Rakyat China, ialah bila ada Kerahan Tenaga. Saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat tentu ingat beribu-ribu pemuda lari ke sana. Sekarang kita sudah berhubung baik dengan Kerajaan Republik Rakyat China. Kita memandang dari segi keselamatan negeri kita. Kalau kebanyakan orang-orang muda yang sudah lari ke sana dahulu yang sudah duduk hampir 20 tahun, sudah masuk dengan fikiran Mao dan juga kominis. Kerajaan mesti menimbangkan kalau mereka balik, adakah membahayakan negara. Tetapi Kerajaan selalu bersimpati, kalau ada permohonan orang yang tua-tua yang kebanyakannya 65 tahun ke atas yang hendak datang ke mari berjumpa dengan keluarganya di sini, dan akan mati di sini, dan kita tahu, kalau kahwin pun tak boleh beranak, maka dengan ikhsan Kerajaan, selalunya diluluskan permohonan itu, kerana ada orang yang menanggungnya dan tidak sekali-kali menyusahkan Kerajaan dan dari segi peri kemanusiaan dan bertimbang rasa, kita luluskan.

KERETAPI LETRIK BAWAH TANAH (KERETAPI TIUB)

9. **Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Perhubungan menyatakan jika ada sebarang rancangan hendak membuat keretapi bawah tanah (tube) di Malaysia seperti di United Kingdom.

Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Wong Seng Chow): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk mengadakan Keretapi Letrik Bawah Tanah (Keretapi Tiub) itu.

PERNIAGAAN DENGAN CHINA— SWASTA

10. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, memandangkan penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Republik Rakyat China, samada kalangan swasta akan dibenar menjalankan perniagaan dengan Negeri China.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, ya. Sejak sebelum penubuhan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China, peniaga-peniaga Malaysia telahpun dibenarkan untuk berniaga dengan negara tersebut, selagi mereka meningkatkan peraturan yang dikenakan oleh Kerajaan. Mengikut peraturan tersebut:

- (i) Kesemua impot-impot barang-barang dari Negeri China, kecuali barang-barang yang mudah busuk dan ubat-ubat dari kayu-kayu akar, hendaklah diimpot terus ke pelabuhan-pelabuhan di Malaysia.
- (ii) Bagi impot-impot yang tidak dikenakan kawalan-kawalan impot, permohonan untuk mendapatkan permit-permit impot bagi barang-barang yang tertakluk kepada kawalan-kawalan impot bolehlah dikemukakan terus kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.
- (iii) Ubat-ubat dari kayu-kayu akar adalah dibenarkan untuk diimpot masuk secara bebas. Permohonan untuk permit-permit bagi impot-impot seperti ini boleh dibuat terus kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.
- (iv) Bagi eksport-eksport ke Republik Rakyat China, pengeksport-pengeksport hanya dikehendaki mengikut cara-cara mengeksport yang biasa dilakukan bagi eksport-eksport ke mana-mana tempat di dunia ini.

Peraturan di atas ini akan terus dikenakan walaupun perhubungan diplomatik telahpun diwujudkan dengan Republik Rakyat China.

LETRIK KAMPUNG POH BIDOR

11. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa masih ada kampung-kampung seperti Kampung Poh, Bidor masih belum mendapat bekalan letrik walaupun jalan ke kampung ini amat baik; dan
- (b) berapa peratus pembinaan jalan yang baik dan pemberian bekalan letrik ke kampung-kampung telah dilaksanakan setakat ini mengikut Rancangan Malaysia Yang Kedua.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan adalah sedar bahawa masih ada banyak lagi kawasan-kawasan kampung dan luar bandar seperti Kampung Poh, Bidor yang belum mendapat bekalan letrik. Sungguhpun begitu tidak mungkin semua kawasan di negeri ini dapat disiapkan bekalan letriknnya dengan sekali gus. Kerajaan adalah menyusun senarai projek-projek yang hendak dilaksanakan tiap-tiap tahun mengikut keutamaan-keutamaan dan jumlah peruntukan-peruntukan yang telah disediakan.
- (b) Pembinaan jalan-jalan ke kampung-kampung adalah di bawah rancangan Kerajaan-kerajaan negeri dan tidaklah berkaitan dengan bekalan letrik. Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan bercadang hendak melaksanakan seberapa banyak yang boleh Rancangan Bekalan Letrik ke luar bandar. Jumlah peruntukan telah ditambah dari \$24.82 juta kepada \$70.03 juta setelah kajian semula Rancangan itu. Dalam tahun-tahun 1971 hingga 1973 bekalan letrik telah memberi faedah kepada 53,206 pengguna di luar bandar dan hampir 20,000 pengguna lagi dijangka akan mendapat faedah di bawah rancangan-rancangan dalam tahun 1974. Ini tidak termasuk rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan negeri secara bersendirian.

PETI SURAT ADUAN PENYURUKAN

12. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) samada Kerajaan dapat memberi jaminan bahawa kad-kad mengandungi maklumat tentang penyurukan yang dipos oleh orang ramai akan sampai ke alamatnya; dan
- (b) samada ada kemungkinan bahawa kad-kad yang dikirim dengan pos biasa akan diambil oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan meminda lapurannya dan kemudian mengutip hadiah-hadiahnya.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Kementerian berkenaan mempunyai peti surat yang khas bagi aduan-aduan penyurukan iaitu Peti Surat 8000 dan orang ramai telahpun dinasihat melalui radio, talivisyen, suratkhobar dan sebagainya berkenaan dengan nombor peti surat ini. Untuk merahsiakan maklumat-maklumat yang hendak disampaikan, kad-kad ini haruslah dimasukkan ke dalam sampul surat untuk dipos dengan tidak payah bubuh stem.
- (b) Kalau kad-kad yang dikirim itu tidak dimasukkan ke dalam sampul surat yang saya maksudkan tadi memang ada kemungkinan berlakunya kejadian seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu.

SAMSU HARAM—MINUMAN

13. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa memandangkan betapa bahayanya perbuatan meminum samsu haram itu kepada kesihatan yang mengakibatkan buta atau kematian seperti yang berlaku kepada sebilangan besar pekerja estet dekat Seremban dalam bulan Mei, tahun ini, apakah langkah yang positif dan lebih keras Menteri telah ambil atau akan ambil untuk membentasi penyulingan samsu haram dan mendidik pekerja estet supaya tidak minum samsu haram yang beracun.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa bukanlah menjadi tanggungjawab

Kerajaan untuk mendidik pekerja-pekerja estet supaya tidak meminum samsu haram. Walau bagaimanapun Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi mengumumkan kepada orang-orang ramai di atas bahayanya meminum samsu haram dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah dan membasmi kegiatan-kegiatan memasak samsu haram.

Samsu haram, saya terangkan lagi samsu itu memang haram. Maknanya, samsu yang dibuat oleh orang-orang kampung itu yang tidak mengikut undang-undang, bukan macam samsu seperti whisky, brandy yang baik itu. Samsu haram ini bukan daripada segi ugama, haram maknanya yang dibuat tidak mengikut undang-undang—dibuat sendiri.

Menteri yang berkenaan telahpun memberi satu keterangan yang panjang lebar di atas langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mencegah dan membasmi pengeluaran samsu-samsu haram di persidangan Dewan ini pada bulan Mei tahun ini. Walau bagaimanapun, memandangkan kepada pertanyaan yang dibangkitkan itu di atas perkara yang sama, inginlah saya menyatakan bilangan-bilangan tangkapan yang telah dibuat oleh Jabatan Kastam bersabit dengan samsu haram sehingga bulan Mei tahun ini telah meningkat kepada jumlah 47 kes daripada jumlah 21 kes tangkapan iaitu jumlah bilangan tangkapan yang dibuat sehingga penghujung bulan Mac. Denda-denda yang telah dikenakan oleh Mahkamah di atas kes-kes yang bersabit dengan samsu bagi tempoh yang sama iaitu bulan Januari sehingga bulan Mei telah meningkat kepada \$70,270. Seterusnya 1,161 gelen samsu haram yang mana duti yang terlibat berjumlah \$16,961, tapai yang berjumlah 86,829 gelen dan 260 alat-alat memasak samsu telah dirampas.

Dengan tindakan yang tegas yang dijalankan oleh Jabatan Kastam dalam kempennya ke atas pemasak-pemasak samsu haram ini, saya percaya bukan sahaja kejadian seperti yang berlaku di Seremban itu akan diberi hukuman yang cukup berat tetapi mana-mana kejadian yang sama akan dihapuskan pada masa akan datang.

Seterusnya inginlah saya merayu kepada pihak orang ramai bagi melapurkan mana-mana kegiatan memasak samsu haram dan juga orang-orang yang meminum samsu

haram kepada pihak-pihak Kerajaan yang berkenaan seperti polis dan Jabatan Kastam supaya dapat tindakan yang sewajarnya diambil oleh Kerajaan.

Saya tambahkan lagi, barang siapa yang memberi maklumat itu ada hadiahnya pula dengan wang ringgit.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada Kastam dan juga pegawai-pegawai yang berkenaan yang telah cuba menghapuskan kegiatan-kegiatan yang haram seperti itu. Di dalam jawapan Yang Berhormat Peguam Negara sebentar tadi mengatakan di antara yang tertangkap itu ialah orang yang membuat tapai. Tapai yang dimaksudkan itu kita pun banyak makan tapai. Adakah membuat tapai ini satu kesalahan atau tapai yang dibuat samsu, sebab jawapan tadi mengatakan tapai sahaja. Saya minta penjelasan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, tapai yang disebut itu bukan tapai yang kita makan yang dibuat daripada nasi atau pulut. Ini tapai yang disediakan supaya dia masam jadi samsu. Itu dia tapai yang dimaksudkan khas untuk buat samsu, bukan tapai yang kita makan seperti yang disukai oleh orang Melaka itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Di Sarawak juga ada air yang dinamakan air tapai. Bila kita pergi di sana menjadi satu adat kepada sebahagian orang kita di Sarawak memberi kepada tetamu-tetamunya. Adakah itu termasuk kepada istilah tapai atau istilah samsu?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, tapai yang diminum di sana itu tidak termasuk sebab itu khas bagi orang Dayak, itu tidaklah menjadi kesalahan. Tapai khas bagi di Sarawak itu air tapai, antara tapai yang kita makan dengan samsu; saya belum pernah merasanya (*Ketawa*).

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita panggil itu sebagai samsu halal?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya tidak berani menentukan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kerajaan memberi kenyataan tentang perbezaan bahayanya

samsu haram dengan samsu hialal, misalnya yang haram itu merbahaya orang yang gemuk makan menjadi kurus, atau yang halal itu bila dimakan oleh orang kurus menjadi gemuk.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu mendalam. Saya bukanlah ahli, samada samsu ini haram ataupun halal. Samsu atau arak yang biasa itu, kalau diluluskan dan diperiksa oleh Kerajaan serta dibayar cukai sungguhpun benda itu ada yang merosakkan dan juga memabukkan, tetapi tidaklah boleh merosakkan sampai seseorang itu mati. Itu bukanlah satu hal. Samsu yang haram ini, samsu yang tidak dapat diperiksa oleh Kerajaan, dimasak sendiri, dicampur dengan barang-barang yang boleh menjadi racun. Samsu ini sekiranya dimakan oleh manusia bukan sahaja memabukkan, malah boleh menjadikan seseorang itu mati. Beza kedua-duanya itu ada bahayanya, tetapi bahaya samsu haram itu jauh daripada membawa maut. Itulah yang dapat saya jelaskan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, apakah jawapan ini berdasarkan teori saintifik atau pengalaman yang dapat kita berpegang?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, daripada yang saya dengar dan yang saya tahu, dan bukan daripada pengalaman ataupun pengetahuan yang saya tahu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Peguam Negara boleh memberi penjelasan kepada Yang Berhormat itu supaya dia mencari pengalaman daripadanya?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, itu terpulanglah kepada Yang Berhormat juga.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kerajaan sedar bahawa samsu yang dibuat secara haram itu setengahnya adalah samsu yang baik, dan setengah sahaja daripada samsu itu adalah jenis samsu yang boleh mendatangkan penyakit iaitu jenis yang dipanggil methyl alcohol dan bukan ethyl alcohol, dan bahawasanya wood alcohol ataupun methyl alcohol ini adalah samsu yang membawa

kepada penyakit buta. Tetapi sebenarnya bukan semua yang diperbuat secara haram itu samsu yang tidak baik, dan kalau yang baik itu bolehkah dihalalkan?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap orang yang memasak samsu ini hendaklah membuat permohonan untuk mendapat kebenaran dan lesen. Kebenaran dan lesen adalah diberi kepada mereka yang boleh membuat samsu dengan baik. Mereka yang hendak membuat samsu hendaklah memohon lesen daripada Kerajaan dan kalau diluluskan bolehlah buat. Yang saya tahu di Muar ada satu lesen diberi membuat samsu.

WARGANEGARA MALAYSIA KE CHINA—SYARAT-SYARAT

14. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau akan melonggarkan syarat-syarat yang diwajibkan ke atas warganegara Malaysia yang berhajat untuk melawat ke Negeri Republik Rakyat China bagi maksud pelan-cungan, perdagangan dan pelajaran supaya tali persahabatan antara rakyat dan Kerajaan kedua-dua negara dapat dipereratkan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah saya jawab semasa menjawab soalan No. 3 tadi.

PASPOT ANTARABANGSA MALAYSIA—IMIGERESEN MELAKA

15. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau akan menimbangkan supaya Ketua Pegawai Imigeresen di Pejabat Imigeresen Negeri Melaka diberi kuasa untuk meluluskan permohonan-permohonan paspot antarabangsa dan mengeluarkannya mem-percepatkan bagi perkhidmatan Kerajaan untuk kesenangan rakyat.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Pejabat Imigeresen Melaka yang diketuai oleh seorang pegawai yang ber-jawatan Timbalan Penolong Pengarah Imigeresen. Oleh yang demikian ia tidak ada kuasa untuk mengeluarkan atau meluluskan permohonan bagi mendapatkan Paspot Antarabangsa Malaysia. Walaupun demikian beliau boleh menerima permohonan-per-mohonan bagi mendapatkan paspot dan mengemukakan kepada pejabat yang

mengeluarkan paspot. Bagi Pejabat Imigeresen Melaka permohonan-permohonan Paspot Malaysia yang diterima adalah di-hantar ke Johor Bahru atau Kuala Lumpur setelah diproses untuk pengeluaran paspot. Biasanya paspot boleh dikeluarkan kepada pemohon-pemohon di Melaka dalam tempoh di antara 7 hari hingga 12 hari. Dalam pada itu mereka yang berkehendakkan paspot segera bolehlah membuat permohonan terus ke Johor Bahru atau Kuala Lumpur. Per-aturan ini adalah memuaskan.

Saya telah timbangkan perkara hendak menaikkan taraf jawatan Ketua Pejabat di Melaka supaya membolehkan paspot antara-bangsa dikeluarkan di sana. Tetapi oleh kerana bilangan orang yang memohon paspot di sana tidak ramai maka tambahan per-belanjaan bagi maksud ini adalah difikirkan membazirkan.

PERSIDANGAN ISLAM DI KUALA LUMPUR

16. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan mengenai Persidangan Islam yang telah di-adakan di Kuala Lumpur dalam tahun 1968, bilangan negara-negara yang mengambil bahagian dan nama-nama wakil daripada tiap-tiap negeri.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Persidangan itu tidak diadakan dalam tahun 1968, tetapi dalam tahun 1969. Jumlah wang yang diuntukkan bagi persi-dangan itu ialah \$157,770 dan perbelanjaan yang sebenarnya ialah \$153,797.32. Persi-dangan itu dihadiri oleh 20 buah negara yang menghantar 90 orang peserta kesemuanya. Saya percaya Ahli Yang Berhormat tidak ingin saya membaca kesemua nama-nama mereka itu dan Ahli Yang Berhormat boleh juga mendapatkan senarai penuhnya daripada Kementerian Luar Negeri. Saya tidak ada detail di sini

DUTA BESAR MALAYSIA KE CHINA

17. Tuan Yeap Kheng Yam minta Perdana Menteri menyatakan iaitu memandangkan tertubuhnya hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China:

(a) bilakah Duta kita akan dihantar ke negeri China:

- (b) samada Kerajaan bercadang hendak menghantar satu rombongan yang terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Negara untuk melawat sambil belajar ke Negeri China tidak lama lagi; dan
- (c) samada rakyat Malaysia dibenarkan melawat ke negeri China pada bila-bila masa sekarang untuk melawat sambil belajar, melancung atau berniaga.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sedang membuat persiapan untuk menghantar Duta Besarnya ke Republik Rakyat China. Persiapan-persiapan itu akan siap tidak berapa lama lagi.
- (b) Pada masa ini, Kerajaan tidak ada cadangan untuk menghantar satu rombongan Ahli-ahli Senate ke Republik Rakyat China untuk lawatan sambil belajar.
- (c) Perkara lawatan ke Republik Rakyat China oleh orang-orang Malaysia sebagai pelancung atau pedagang sedang dipertimbangkan. Sementara itu peraturan-peraturan yang ada akan terus berkuatkuasa.

BARANG-BARANG IMPOT CHINA

18. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan iaitu:

- (a) berkenaan dengan tahun 1973—
- (i) berapa banyak dan nilai barang-barang yang diimport dari negeri China;
 - (ii) berapa banyak dan nilai barang-barang Malaysia yang diekspot ke negeri China; dan
- (b) samada saudagar-saudagar kita dibenarkan mengimport barang-barang terus daripada Negeri China tidak melalui PERNAS dan jika tidak, kenapa.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, nilai barang-barang yang diimport dalam tahun 1973 ialah \$365.9 juta dan nilai ekspot ialah \$199.5 juta. Oleh kerana jenis barang-barang yang diimport dan ekspot itu terlalu banyak, saya mohon untuk menjawabnya secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk soal-jawab telah cukup.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SARAWAK) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.37 ptg.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bertajuk "Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan), 1974" dibaca bagi kali yang kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat dimaklumkan bahawa perbekalan Ordinan Pencen balu dan Anak Yatim (Sarawak Bab 90) hampir-hampir serupa dengan perbekalan Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah Bab 156), iaitu caruman yang dibuat oleh seseorang pencazum adalah dibayar sebagai pencen kepada balu dan anak-anak yatim pencazum tersebut apabila pencazum itu meninggal dunia. Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak Bab 90) juga memperuntukkan pembayaran-balik caruman hanya kepada pencazum-pencazum yang bujang dan pencazum-pencazum duda (widower) yang tiada mempunyai anak-anak yang belum dewasa, iaitu apabila pencazum-pencazum tersebut bersara atau bertukar ke negeri lain, atau jika pencazum-pencazum tersebut meninggal dunia, caruman mereka akan dikembalikan kepada wakil-wakil mereka yang sah disisi undang-undang.

Selain dari itu, Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak Bab 90) juga mengandungi peruntukan di seksyen 38 mengenai pencazum-pencazum yang berpoligami yang sebaliknya dikehendaki mencazum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja Kerajaan Negeri Sarawak. Caruman yang dibuat oleh seseorang pencazum dan Kerajaan dibayar kepada Kumpulan Wang ini sehingga mati pencazum yang berkenaan, pada masa caruman-caruman pencazum serta Kerajaan akan menjadi sebahagian daripada harta pesaka pencazum tersebut.

Rang Undang-undang yang dicadangkan bertujuan untuk meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak Bab 90) dengan mengadakan peruntukan-peruntukan

baru, iaitu seksyen-seksyen 19B dan 38B, untuk memberi peluang kepada semua pencarum yang berkenaan memilih samada bakal menjadi pencarum atau ingin keluar dari Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja Kerajaan Negeri Sarawak. Ini selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menggulung Skim-skim Pencen Balu dan Anak Yatim yang berjalan di Malaysia, sebagaimana yang diperakukan oleh Suruhanjaya Suffian.

Seksyen-seksyen 19B dan 38B menawar pilihan (option) kepada semua pencarum yang masih hidup pada masa Rang Undang-undang ini mulai dikuatkuasakan dan ini termasuk pencarum-pencarum yang masih mencarum dan pencarum-pencarum yang telah berhenti mencarum. Pilihan (option) hendaklah dibuat dalam tempoh masa yang tertentu sebelum tarikh-tarikh yang akan diumumkan di dalam Warta Kerajaan bagi pencen-pencen yang sedang berkhidmat dan pencarum-pencarum yang telah bersara atau bertukar ke negeri lain. Jika pilihan (option) tidak dibuat dalam tempoh masa yang ditentukan, pencarum yang berkenaan akan dianggap sebagai telah membuat pilihan (option) untuk terus menjadi pencarum dan dari itu mengekalkan haknya yang terkumpul (accrue) di bawah Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak Bab 90), atau di bawah Ordinan Kumpulan-Wang Simpanan Pekerja-pekerja Kerajaan (Sarawak Bab 88).

Jika seorang pencarum kepada Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak membuat pilihan (option) untuk keluar dari Kumpulan Wang tersebut, haknya yang terkumpul (accrue) di bawah Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak Bab 90) akan luput dan ia atau wakilnya yang sah disisi undang-undang akan dikembalikan jumlah caruman yang ia telah buat beserta dengan faedah berganda sebanyak 2½% setahun; melainkan jika ia dibuang kerja kerana melanggar tata tertib, pada mana carumannya akan dikembalikan tanpa apa-apa faedah. Jika seorang pencaruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja Kerajaan, Sarawak pula memilih untuk keluar dari Kumpulan Wang tersebut, haknya yang terkumpul di bawah Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja Kerajaan, Sarawak akan luput

dan ia atau wakilnya yang sah di sisi undang-undang akan dikembalikan caruman-caruman yang ia telah buat serta juga caruman-caruman yang telah dibuat oleh Kerajaan bercampur dengan faedah berganda sebanyak 2½% setahun.

Ahli-ahli Yang Berhormat dimaklumkan bahawa seksyen kecil (7) seksyen 19B membuat peruntukan tentang pengurusan Kumpulan Wang Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak di masa hadapan yang akan ditentukan selepas (pulangan-balik) caruman kepada pencarum-pencarum yang memilih untuk keluar dari Kumpulan Wang tersebut selesai diselenggarakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SABAH) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.45 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan), 1974" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini adalah lebih kurang sama bagaimana yang telah saya sebutkan dalam Rang Undang-undang yang baru diluluskan tadi dan juga bagaimana ada disebutkan di bawah Huraian dalam Rang Undang-undang itu dan ini untuk memperkemas perjalanan Undang-undang ini, dan saya harap dapat diluluskan dengan seberapa segera dan saya memohon untuk dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN

(PERUNTUKAN-PERUNTUKAN SEMENTARA) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.50 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara (Pindaan) 1974), dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan meminda seksyen Kecil (6) Seksyen 4 Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara), 1973 untuk membuat peruntukan bagi pembayaran gaji kepada seseorang Pegawai Awam yang

dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengurusan dari Kumpulanwang Penguasa Tempatan itu sendiri. Rang Undang-undang ini juga bermaksud meminda Jadual kepada Akta tersebut supaya mengekalkan semua Seksyen Ordinan Perbandaran (N.N.S. Bab 133) yang mengenai pegawai dan kakitangan dan juga kontrek.

Seksyen 4 (2) Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara), 1973 membuat peruntukan melantik Pegawai Awam atau lain orang yang didapati layak dan sesuai sebagai Pengerusi Lembaga Pengurusan dan manakala Pegawai Awam dilantik sebagai Pengerusi, ia hendaklah dibayar gaji dan bukan elaun. Mengikut undang-undang yang ada sekarang ini tidaklah terdapat apa-apa peruntukan membayar gaji. Oleh yang demikian, Seksyen kecil (6) Seksyen 4 hendaklah dipinda sewajarnya.

Oleh kerana bukanlah tujuannya untuk memansuhkan kesemua peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Bahagian II Ordinan Perbandaran (N.N.S. Bab 133) yang berkaitan dengan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan dan semua perkara yang berbangkit dengannya dan juga semua perkara yang berhubung dengan kontrek, maka oleh yang demikian adalah dicadangkan supaya dipinda Jadual Akta Induk untuk mengekalkan peruntukan-peruntukan ini.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah bertujuan mengekalkan Peruntukan-peruntukan tersebut.

Saya suka menambah di sini bahawa sebagai yang dikehendaki di bawah Fasal 65A Perlembagaan Malaysia Rang Undang-undang ini telah dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.54 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan, dan di samping itu saya mengesyorkan supaya Majlis-majlis

Tempatan ini hendaklah diperbaiki lagi dengan harapan supaya Kerajaan Pusat tolong membantu dengan mengadakan pegawai-pegawai iktisas, umpamanya, Pegawai Perancangan Bandar dan Kampung kepada Majlis-majlis Tempatan yang kurang kewangan.

Misalnya di Perlis. Saya yakin tentulah mendapat kekurangan kewangan dan pegawai-pegawai yang berkenaan. Saya percaya kalau diadakan pegawai-pegawai yang berkenaan, maka Majlis-majlis Tempatan ataupun Kampung akan mendapat kejayaan yang amat baik lagi. Saya suka beri contoh iaitu Majlis Tempatan di Padang Besar yang mana kita sama-sama tahu Padang Besar adalah satu tempat pelancungan di utara Malaysia (Perlis). Banyak pelancung-pelancung datang ke Padang Besar samada pelancung dari Malaysia ataupun pelancung-pelancung yang datang daripada luar negeri. Kalau pihak Kerajaan Pusat memberikan bantuan bagi perancangan, maka ini akan menambah baik lagi.

Yang kedua, saya dapati Ahli-ahli dalam Majlis Tempatan ini, misalnya, Ahli Majlis Bandaran atau Tempatan di Kangar, sebagaimana yang saya tahu sejak Majlis itu ditubuhkan daripada dahulu lagi sampailah sekarang, maka elaun ahli-ahlinya amatlah tidak berpatutan, kalau dibandingkan dengan keadaan inflasi dan sebagainya, dan begitu juga dibandingkan dengan elaun Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Dewan Rakyat dan sebagainya. Kalau pihak jabatan lain elaunnya dinaikkan dari satu masa ke satu masa, tetapi malangnya elaun Ahli Majlis Tempatan sudah 10 tahun tetap \$100 juga. Saya yakin dan percaya Menteri yang berkenaan akan menjawab, bahawa ini adalah kuasa Majlis Tempatan itu sendiri, begitu juga Ahli Majlis Dewan Undangan Negeri. Saya percaya bahawa ini adalah kuasa Negeri itu sendiri. Tetapi boleh jadi dengan kerana petunjuk daripada Kerajaan Pusat, misalnya, Perlis walaupun negerinya kecil, biar saya tegaskan kalau negeri lain elaun Dewan Undangan Negeri sebanyak \$750 maka Perlis juga mendapat sedemikian. Saya berpendapat elok sangat bagi Kerajaan membantu atau mencari jalan supaya elaun itu dinaikkan. Walaupun itu adalah hak Kerajaan Tempatan, tetapi

dengan dayausaha daripada Kerajaan Pusat, dan daripada Kementerian yang berkenaan itu sendiri, maka akan mendapat pertimbangan yang sewajarnya.

3.56 ptg.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Shaari Jusoh berkenaan dengan pendapatnya. Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan ditimbang dalam Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ACARA KEWANGAN DAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.00 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dikemukakan di Dewan ini meminta kebenaran supaya perbelanjaan yang dilakukan lewat dalam sesuatu tahun kewangan boleh dimasukkan ke dalam Akaun Tahun Kewangan yang sama.

Undang-undang yang ada sekarang ini tidak membenarkan setengah-setengah perbelanjaan yang dilakukan selepas 15hb Disember, tiap-tiap Tahun Kewangan dikenakan pada tahun atau pada akaun tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini telah menyebabkan banyak perbelanjaan dikenakan kepada Akaun Tahun Kewangan yang berikutnya.

Dengan demikian, perbelanjaan Dalam Akaun Awam bagi tiap-tiap tahun kewangan tidaklah menunjukkan gambaran yang tepat dan juga tidak seimbang dengan kutipan hasil bagi tahun yang berkenaan. Untuk memperkemaskan keadaan yang terdapat sekarang dari segi perakaunan adalah dicadangkan supaya Buku Akaun satu-satu tahun itu dibuka sehingga ke tarikh akhir bulan pertama tahun kewangan yang berikutnya, dengan ini perbelanjaan lewat yang dilakukan itu dapat dimasukkan ke dalam Akaun Kewangan tahun itu.

Bagi maksud ini peruntukan dalam Akta Acara Kewangan, 1957 dan Akta Kumpulan Pembangunan, 1966 kenalah dipinda seperti yang terdapat dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan ini. Pindaan ini bermakna bahawa Sistem Perakaunan Tunai yang digunakan sekarang akan ditukar kepada Sistem Perakaunan Ubahsuai Tunai iaitu satu usaha ke arah pelaksanaan sistem belanjawan program dan peristasi yang telah diterima oleh Kerajaan dalam tahun 1968 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.04 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak berucap sepatih dua dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta bagi meminda Akta Acara Kewangan, 1957 dan Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966 yang dibentangkan dalam Dewan ini pada hari ini sepatut dan wajarnya telah dikemukakan lama dahulu untuk perbahasan dan kelulusan Dewan ini. Walaupun, lewat sehingga hari ini, maka ianya tidaklah terlampau lewat dan seharusnya mendapat sokongan dari Ahli-ahli dalam Dewan ini. Saya juga suka menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, maka sekurang-kurangnya perkara yang tersebut ini akan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Kementerian-kementerian dan Kerajaan kita lebih berhati-hati dalam perkara-perkara

membereskan projek-projek yang dijalankan supaya projek-projek yang berkenaan itu dapat disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan, kerana segala bayaran-bayaran yang bersangkutan-paut mestilah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam Akta ini projek-projek yang kurang diawasi dan memakan masa yang lebih panjang akan projek-projek tersebut yang terbengkalai akan menimbulkan kesusahan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan dan kesusahan masalah-masalah penyelesaian di dalam menjalankan perkara ini.

Pengarah-pengarah Jabatan dan Kerajaan yang menjalankan projek-projek hendaklah menjalankan atau sekurang-kurangnya bagi membereskan Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan lain akan juga bersikap lebih berhati-hati untuk mengelolakan projek-projek itu supaya siap dalam jangka masa yang ditetapkan, seharusnya bayaran-bayaran kepada kerja-kerja projek itu boleh dibuat hanya mengikut kehendak Akta ini. Dengan wujudnya Akta ini, maka kerja-kerja menjalankan projek-projek pembangunan dan sebagainya yang ditentukan oleh Kementerian atau pengarah-pengarah Jabatan akan diawasi dengan lebih sempurna dari sekarang ini dan apa-apa kelambatan dalam projek ini dapatlah dijalankan dengan sepenuhnya. Kita mahu kerja-kerja yang dilakukan oleh Kerajaan berjalan dengan licin dan sempurna dan tidak mahu kerja-kerja pembangunan negara terbengkalai dengan begitu sahaja. Maka di dalam soal ini, saya ingin mengemukakan dalam perkara ini supaya projek-projek itu dapat dijalankan mengikut masa yang ditetapkan.

4.08 ptg.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang sedang kita bahaskan ini. Saya yakin dan percaya dengan adanya pindaan yang dibuat yang mana dinyatakan di dalam Undang-undang ini, adalah satu jalan yang membolehkan Ketua-ketua Jabatan membuat satu pekerjaan dengan tidak terburu-buru seperti mana yang telah sudah, manakala sampai sahaja 15hb Disember, maka segala pembayaran kepada satu-satu projek itu hendaklah dilaksanakan.

Projek-projek yang berkaitan di atas pindaan undang-undang yang banyak mengenainya ialah kerja-kerja kecil yang

dijalankan di luar-luarbandar seperti bagi membaiki jalan, jambatan-jambatan kecil, pementong-pementong air dan sebagainya. Selalunya peruntukan kerja-kerja kecil ini lambat sampai ke peringkat-peringkat daerah, manakala sampai pertengahan bulan Disember ataupun awal bulan Disember, pegawai-pegawai Kerajaan ini terburu-buru menindarkan (tender) projek-projek kecil ini. Maka dengan perbuatan yang terburu-buru ini biasanya kontraktor-kontraktor membuat dengan terburu-buru dan pihak pegawai Kerajaan pula meluluskan kerja-kerja ini juga dengan terburu-buru, jika tidak diluluskan dengan serta-merta mungkin pembayaran kepada projek ini tidak dapat dilaksanakan kerana tahun kewangannya telah ditutup. Tetapi dengan adanya pindaan yang kita akan luluskan nanti, saya yakin dan percaya maka kerja-kerja begitu tidak akan kita buat dengan terburu-buru, maka dengan itu projek-projek yang kita buat itu dapat dilaksanakan dengan baik.

Saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini.

4.12 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini dan memberi pandangan-pandangan yang saya fikir sempurna kepada Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1973 DAN 1974)

Bacaan Kali Yang Kedua

4.15 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi dua Anggaran Tambahan, satu sebagai Tambahan Ketiga, 1973 dan yang satu lagi sebagai Tambahan Pertama, 1974.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi Tambahan perbelanjaan sebanyak \$46,931,863 bagi perkhidmatan tahun 1973 dan ini termasuk \$7,514,010 yang tertanggung atas Kumpulanwang Disatukan.

Dalam Tambahan ini, sebanyak \$9,331,195 dikehendaki untuk membiayai bayaran elaun bantuan khas kepada kakitangan dan bagi menampung kenaikan jumlah bekalan perubatan dan makanan di Pusat-pusat Kesihatan, Klinik-klinik Bidan dan di Hospital-hospital; \$2,696,000 untuk membiayai perbelanjaan mengurus Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI); \$7,199,963 untuk membiayai bayaran tunggakan dan gaji kepada kakitangan dan Perkhidmatan Pelajaran, Sabah berikutan dengan pelaksanaan Laporan Aziz; \$5,394,021 bagi menjelaskan tuntutan-tuntutan oleh Singapura terbit dari perpisahan pada tahun 1965 mengenai bayaran sewa kawasan dan bangunan-bangunan yang diduduki oleh Angkatan Bersenjata Malaysia bagi tempoh 9hb Ogos, 1965 hingga 31hb Mei, 1972 dan juga sumbangan kepada Universiti Singapura bagi 92 orang pelajar Malaysia yang menuntut di Universiti tersebut; \$3.5 juta pula bagi diperuntukkan kepada Kumpulanwang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan; \$5.5 juta untuk menambah kira-kira Pelbagai Pendahuluan; \$2,332,163 untuk membiayai bayaran komisen kepada wakil-wakil iklan dalam tahun 1973. Yang lainnya merupakan butiran-butiran kecil untuk perkhidmatan-perkhidmatan pelbagai yang diterangkan dengan lanjutnya dalam Memorandum Perbendaharaan yang dikemukakan sebagai kertas Perintah 4 tahun 1974.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$129,138,114 bagi perkhidmatan tahun 1974.

Dalam Tambahan ini peruntukan sebanyak \$28 juta adalah dikehendaki untuk membolehkan Kerajaan mengadakan buku-buku teks penuntut-penuntut dari kumpulan yang berpendapatan rendah di sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah Kerajaan di Malaysia; \$42 juta pula ialah untuk membolehkan Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) membeli 85,000 tan lagi beras daripada Negeri China untuk simpanan "stockpile-nya"; \$47.5 juta untuk membolehkan Kementerian Pertanian dan Perikanan mengimpot dan mendapatkan bekalan urea daripada peniaga-peniaga tempatan dengan harga pasaran yang ada pada masa sekarang dan menjual pula serta membahagikan kepada petani-petani melalui Lembaga Pertubuhan Peladang di beberapa pusat pengedarnya; \$1 juta untuk membiayai perbelanjaan mengurus Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia; \$2,660,000 bagi membiayai perbelanjaan Persidangan ke 5 Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang telah berlangsung di Kuala Lumpur pada 21hb Jun hingga 25hb Jun, 1974 dan \$6 juta bagi diperuntukkan kepada Kumpulanwang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan. Yang lainnya adalah kecil jumlahnya dan diterangkan dengan lanjut dalam Memorandum Perbendaharaan yang dikemukakan sebagai Kertas Perintah 6 tahun 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.20 ptg.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1973 dan 1974 dan ingin mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang ini.

Merujuk kepada Kepala B. 7, Seksyen 2 dan Seksyen 3 atas tajuk Perdana Menteri dengan perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1973 dan 1974 dan memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah dimaklumkan bahawa pada 20hb Mei, 1974, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Abdul Razak telah membawa satu

rombongan besar membuat satu lawatan muhibbah ke Peking, Negeri China, kerana menubuhkan diplomatik dengannya. Dalam lawatan beliau dan rombongannya selama enam hari itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah disambut meriah di mana-mana tempat di Negeri China.

Persahabatan antara kedua-dua negeri amatlah baik dan bersefahaman. Kerajaan Malaysia kita dan Republik Rakyat China telahpun merasmikan penubuhan hubungan diplomatik pada 31hb Mei, 1974 baru-baru ini di Peking, China.

Sebenarnya lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rombongannya ke Negeri China telah mencapai kejayaan-kejayaan yang sempurna dan memuaskan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak dan rombongannya atas kejayaan mereka, kerana taraf kedudukan Malaysia telah meningkat tinggi di dunia pada masa sekarang ini.

Naskah perjanjian itu telah ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri, Tuan Chou En-Lai adalah satu perjanjian yang baik dan adil bagi kedua-dua negeri. Dalam kenyataan itu selanjutnya menyebutkan bahawa kedua-dua buah Kerajaan tidak mengiktiraf dua kerakyatan. Ini adalah patut dan satu langkah yang sesuai diambil oleh kedua-dua negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya orang-orang yang berketurunan China di negeri ini telah menentukan sikap mereka dan ketaatsetiaan mereka tetap kepada negara ini, maka ketaatsetiaan mereka itu tidak lagi patut menjadi soalan. Oleh yang demikian, saya berharap kepada Kerajaan supaya menaruh kepercayaan penuh kepada keturunan China di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sebahagian orang-orang berketurunan China dan India yang berjumlah lebih kurang 300,000 orang di negeri ini masih, belum mendapat kerakyatan Malaysia, diharap Kerajaan akan menimbangkan keadaan mereka supaya menyelesaikan masalah ini dengan secepat mungkin. Sekiranya Kerajaan bersetuju, setiap orang yang mempunyai Kad Pengenalanan Merah itu jika setelah tinggal selama 12 tahun ke atas di negeri kita, maka Sijil Kerakyatan Malaysia patutlah dikeluarkan

kepada mereka, jikalau diminta. Ini adalah sangat perlu kerana mereka dilahirkan di sini, hidup di sini dan akan meninggal dunia di sini juga dan mereka menjadikan negara ini negeri ibundanya. tidak ada tempat lain yang mereka boleh pergi lagi. Saya percaya mereka akan terhutang budi sampai mati kepada Kerajaan, jikalau mereka mendapat Kerakyatan Malaysia. Maka dengan ini saya sekali lagi merayu kepada Kerajaan supaya menimbang dengan khasnya atas kes tersebut itu dengan bersimpati dan telitinya.

Merujuk kepada Kepala B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya mengenai mempersempadankan bahagian untuk Pilihanraya Umum yang telah disemak semula itu, saya rasa sangat sesuai dengan keadaan masa sekarang ini dan patut dialu-alukan kerana penyemakan semula ini adalah suatu langkah yang amat sempurna. Bertambah bilangan penduduk-penduduk di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak menjadikar suatu ulangkaji bahagian-bahagian pilihanraya terpaksa dibuat selepas 10 tahun ke atas pada masa sekarang ini bukanlah kerja yang senang bagi Suruhanjaya Pilihanraya. Kita patut mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihanraya atas kerja-kerja jujur dan perkhidmatan-perkhidmatan baik yang diberikan kepada negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, buat teguran atau menentang apa-apa cadangan Kerajaan dari Parti-parti Pembangkang di Dewan Parlimen untuk publisiti murah itu memang senang sahaja, tetapi kadang-kadang teguran-teguran itu tidak langsung bermakna. Umpamanya, menentang Laporan Suruhanjaya Pilihanraya ini patutlah Parti-parti Pembangkang menyokong penuh cadangan baik yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk kepentingan rakyat dan negara. Jika dibuat demikian barulah boleh dikatakan Parti-parti Pembangkang sihat dan realistik.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya kalau boleh membuat satu undang-undang mengundi paksaan (compulsory election) kerana biasanya pada tiap-tiap kali pilihanraya pengundi-pengundi yang membuang undi itu, jumlah peratus yang dilakukan hanya lebih kurang 70 peratus sahaja dan masih ada lagi 30 peratus pengundi tidak keluar membuang undi. Mereka membiarkan

hak-hak mengundi dengan tidak menjalankan hak-hak dan kewajipan-kewajipannya. Oleh yang demikian, sekiranya Kerajaan menetapkan satu sistem memaksa mengundi itu, setiap pengundi yang tidak mematuhi undang-undang dengan tidak membuang undi, maka akan dikenakan denda sebanyak S5 sahaja. Ini menjadi satu amaran kepada mereka. Dengan demikian, ini akan membela semangat rakyat dan perasaan ketaatsetiaan mereka kepada negara kita dengan mematuhi kewajipan-kewajipan mereka. Saya fikir cadangan ini adalah baik jika Kerajaan fikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Kepala B. 20—Kementerian Pelajaran, mengenai Sekim Pelajaran Baru bagi Pengelola-pengelola Sekolah, Guru-guru Besar dan Pembantu-pembantu Kanan bagi Sekolah-sekolah Rendah di seluruh Malaysia di bawah Sekim Elaun Pemangku/Elaun Tanggungan Kerja. Teguran-teguran daripada Pengelola-pengelola Sekolah, Guru-guru Besar ialah mereka tidak bersetuju berkaitan dengan mengadakan temuduga semula sebelum seseorang Guru Besar atau Pembantu Kanan disahkan dalam tanggagaji baru untuk mereka. Sebenarnya, Pengelola-pengelola Sekolah, Guru-guru Besar yang telah dilantik sebelum tarikh 1hb Januari, 1974 hendaklah dikecualikan daripada temuduga dan disahkan semuanya tanpa mengira kelayakan B. 1 atau C. 2, D. 3 dan lain-lain, kerana itu tidaklah boleh disifatkan sebagai sekim kenaikan pangkat, hanya boleh dikatakan pertukaran sekim sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tanggagaji tetap untuk Guru-guru Besar dan Penolong-penolong Kanan di bawah jajaan Lembaga Pusat (U.T.S.) patutlah dikaji semula tanggagaji lelaki dan perempuan didasarkan sama. Kajian semula ini perlu kerana di masa inflasi ini harga barang-barang terlampau naik tinggi dan elaun sara-hidup lama itu sudah 12 tahun tidak lagi sesuai pada masa sekarang ini. Pertimbangan dengan penuh simpati daripada Menteri Pelajaran amatlah dihargai.

Tentang hal cadangan Kerajaan yang dibuat baru-baru ini untuk memperbaiki keadaan guru-guru sekolah rendah dalam Kategori B. 1 itu sungguhpun Kerajaan bersetuju tanggagaji bersih mereka itu bila sampai ke S480 dengan kecekapan ketiga

dilompatkan ke \$580 sebulan dan kenaikan gaji tahunan \$30 sehingga \$730 adalah suatu cadangan baik dan sesuai, akan tetapi malangnya guru-guru yang akan menikmati itu sangat kurang. Sepatutnya apabila sampai ke \$360 sebulan dengan kecekapan kedua itu dibenarkan melompat ke \$580 sebulan dan diteruskan dengan kenaikan gaji tahunan \$30 sehingga \$730 tanpa apa-apa syarat. Dengan ini barulah akan memberi faedah kepada guru-guru lebih kurang 15,000 orang di seluruh negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tunggakan gaji (arrears), cadangan Kerajaan untuk membayarnya mulai daripada 1hb Januari, 1974 ini tidaklah patut, kerana lain-lain kategori guru-guru seperti guru-guru C. 2 tunggakan gaji mereka dibayar daripada 1-1-1970, iaitu tarikh Sekim Aziz dikuatkuasakan. Jadi buat demikian barulah adil. Tentang hal lebih kurang 1,000 orang guru-guru kelayakan dari kelas latihan guru-guru Sekolah China yang mendapat kerugian atas ketidak-seimbangan gaji mereka selama 20 tahun itu, saya merayu kepada Kerajaan benarkanlah mereka dinaikkan gred mereka dari Gred B ke Gred A iaitu dalam Sekim Baru, 1952 tanpa menyampaikankan tuntutan mereka kepada Majlis Bersama Kebangsaan (National Joint Council) kerana Majlis seperti tersebut itu yang diadakan pada masa dahulu telah pernah merosakkan tuntutan mereka. Dengan ini diharapkan Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan dapat menyelesaikan perkara ini dengan kuasa Yang Berhormat Menteri sendiri, barulah akan memberi faedah kepada guru-guru yang berkenaan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya perkara-perkara yang tersebut di atas itu semua diselesaikan sebelum pilihanraya umum akan datang ini akan jadi hadiah besar kepada mereka. Saya percaya penuh Barisan Nasional atas pimpinan tertinggi kita Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kita akan mendapat kemenangan besar dalam pilihanraya akan datang supaya membolehkan Kerajaan menubuhkan suatu masyarakat yang lebih adil dan bersatupadu untuk kepentingan negara. Hidup Barisan Nasional, hidup rakyat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.57 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)
4.57 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Rang Undang-undang tambahan belanjawan bagi tahun 1973 dan 1974 tak ada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan, kecuali tiga empat orang yang telah kita dengar tadi. Satu daripadanya ialah Yang Berhormat Senator Yeap Kheng Yam yang menyatakan ada 300,000 lagi orang China dan India dalam negeri ini yang belum mendapat kerakyatan, dan diminta kalau boleh Kerajaan memberi kerakyaian kepadanya dengan cara yang lebih senang lagi, kerana katanya mereka itu diperanakkan di sini. Walau bagaimanapun, syarat-syarat hendak mendapat kerakyatan itu ada termaktub dalam Perlembagaan kita (Bab Ketiga) dan sememangnya Kerajaan menggalakkan mereka itu memohon untuk mendapat kerakyatan. Tetapi walau bagaimanapun mereka itu hendaklah lulus syarat-syarat yang disebutkan di dalam Perlembagaan dan proses ini mengambil masa. Kerajaan sedar dan bersimpati kepada mereka itu dan mana-mana mereka yang telah lama bermastautin di sini dan layak mendapat kerakyatan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan, maka diberi kerakyatan kepada mereka itu. Tetapi tidaklah, sebagaimana dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan sebab mereka itu beranak di sini atau lama di sini, maka boleh diberi kerakyatan. Kalau dengan sebab itu sahaja, saya fikir tidak dapat kita tunai-kan.

Yang kedua katanya, dengan sebab lawatan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak ke Negeri China, hendak berbaik- baik, meninggikan taraf negara kita dan memikirkan bahawa orang-orang China di sini tentulah taat setia semuanya kepada negara ini. Tetapi taat setia itu kita hendak tahu juga. Taat setia seseorang itu memandang kepada tengah laku dan perbuatannya. Kalau dengan sebab kita telah berbaik- baik dengan Negeri China, maka semua rakyat orang China dalam negeri ini taat setia kepada negeri ini, saya fikir susah

sedikit saya hendak menerimanya. Apa yang hendak kita fikirkan, pandang dan telek pada masa akan datang ialah tentang tengkah laku, kelakuan dan lain-lain perkara yang diperbuat oleh rakyat-rakyat China negeri ini apakala kita telah mewujudkan kedutaan kita. Bila telah ada Duta Negeri China ke negeri ini, di situlah orang-orang kita, orang-orang Melayu khususnya, memandang bagaimana yang dikatakan kesetiaan orang-orang China negeri ini samada betul-betul 100% kepada negeri kita, atau masih berbelah-bahagi lagi. Kita akan tengok selepas kita mengadakan hubungan dengan Republik Rakyat China. Di situlah saya fikir rakyat negeri ini yang betul-betul dikatakan taat setia akan ditelek dan menimbangkan samada betul atau tidak kata-kata yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, kita percaya peraturan-peraturan akan dibuat antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Negeri China apakala kita mengadakan hubungan diplomatik sepenuhnya antara kita dengan Negeri China.

Berkenaan dengan teguran terhadap Kementerian Pelajaran, saya tidak dapat menjawab di sini, kerana Menteri yang berkenaan pun nampaknya tiada di sini dan walau bagaimanapun kita akan ambil ingatan dan pandangan dalam perkara ini.

Satu lagi cadangannya supaya kita adakan satu undang-undang yang memaksa tiap-tiap orang register menjadi pengundi. Yang kedua, dibuat undang-undang memaksa tiap-tiap seorang yang sudah register menjadi pengundi itu mengundi. Perkara ini telah ditimbangkan, bukan baru ini, semenjak kita membuat Perlembagaan dahulu sampai sekarang ini, baik dan buruk, apa akibatnya memaksa orang itu mengundi kerana kalau seseorang itu tidak mendaftar mesti dihukum, itu yang pertama. Yang keduanya, kalau sudah mendaftar pula tidak mengundi, dihukum. Bermakna kita hendak menunjukkan kepada rakyat jelata iaitu mengundi itu wajib dan kalau tidak mengundi, dihukum. Apakah akibatnya pula kepada rakyat? Saya fikir, bagi negeri yang betul-betul mengamalkan demokrasi, masa ini Kerajaan berpendapat adalah lebih baik ditanam semangat kepada rakyat yang bertanggungjawab kepada negaranya, yang tahukan tanggungjawabnya bahawa hendaklah mereka itu mengambil berat sendiri dengan mendaftarkan dirinya sekiranya dia layak, dan juga

keluar mengundi. Bagi kita orang-orang Islam misalnya, kita telah memberi banyak penerangan berkenaan dengan mendaftar mengundi dan patut keluar mengundi, kerana saya telah bercakap banyak kali di khalayak ramai, kepada orang-orang kita khasnya orang-orang Melayu dan orang-orang Islam. Zaman dahulu, kalau saya tidak salah, watan atau tanahair itu dalam ugama Islam kita, hendaklah kita keluar berperang kepada orang yang melawan atau menyerang negeri kita. Tetapi pada zaman kita sekarang ini jarang-jarang berperang hendak menunjukkan pengorbanan kita kepada tanahair dengan membuang nyawa. Tetapi zaman demokrasi ini, negeri kita boleh diserang orang bukan dengan perang sahaja, tetapi dengan undi, kerana kalau rakyatnya lalai tidak mahu keluar mendaftar dan tidak mahu mengundi, maka bukan dengan senjata sahaja, dengan undi negeri itu boleh tertawan dan cara lain pemerintahnya akan timbul. Maka apakala rakyat jelata sedar atas perkara ini maka di zaman demokrasi dan moden ini keluar mengundi itu dan mendaftar mengundi kepada rakyat adalah menandakan sayang kepada watan sama juga seperti orang-orang masa perang mendaftarkan dirinya menjadi askar melawan musuh yang datang. Dari segi kita memberi penerangan berkenaan dengan perkara ini kepada orang Melayu dan orang Islam dan juga kepada rakyat jelata yang lain-lain iaitu Kerajaan berpendapat adalah lebih sesuai kepada negara ini, pada masa ini iaitu pengundi-pengundi itu hendaklah dikehendaki masing-masing rela dengan sendirinya mendaftarkan dirinya dan juga mengundi, maka perkara ini Kerajaan belum lagi bersetuju hendak buat bagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi.

Itulah sahaja, yang dapat saya jawabkan kepada ucapan daripada Yang Berhormat Yeap Kheng Yam.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 53(2) Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
KUMPULANWANG DISATUKAN
(PERBELANJAAN MASUK AKAUN)**

Bacaan Kali Yang Kedua

5.13 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) dibacakan bagi kali yang kedua.

Saya tidak hendak memanjangkan huraian atas Rang Undang-undang ini, kerana keterangannya ada diterangkan di dalam Huraian itu dan mengikut Peraturan Mesyuarat, Rang Undang-undang ini tidak boleh dibahaskan.

Saya mohon supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Aishah binti Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 52 (3) Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERSEKUTUAN PENGAKAP-
PENGAKAP MALAYSIA**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.15 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama "Satu Akta bagi menukar nama Persekutuan Budak-budak Pengakap Malaysia, memperuntukkan penalti bagi mana-mana daripada kesalahan-kesalahan yang diuntukkan dalamnya dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkenaan dengannya" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda nama Persekutuan yang diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Persekutuan Budak-budak Pengakap Malaysia Tahun 1968 dan peruntukan penalti bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini. Penukaran nama ini adalah perlu dan sesuai, kerana pergerakan pengakap pada hari ini adalah merupakan sebahagian daripada pergerakan belia yang menjalankan kegiatan-kegiatan pembangunan dan aktiviti-aktiviti sukarela dalam usaha membangunkan masyarakat di Malaysia dari berbagai bangsa di negeri ini. Oleh itu, keahlian pertubuhan ini adalah terbuka kepada seluruh belia dan tidak terhad kepada budak-budak sekolah sahaja, kerana dengan nama Persekutuan Budak-budak Pengakap itu seolah-olah keanggotaannya tertumpu kepada kanak-kanak sekolah sahaja. Tetapi pada hakikat yang sebenarnya pergerakan pengakap juga mempunyai peranan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti seperti pertubuhan-pertubuhan belia lain dan keanggotaannya adalah terbuka. Dengan penukaran ini adalah diharapkan ianya akan dapat menggalakkan perkembangan dan kemajuan kumpulan terbuka iaitu Cawangan Pergerakan Pengakap yang dianggotai oleh ramai belia-belia lepasan sekolah dari berbagai-bagai kaum. Secara kebetulannya juga penukaran nama ini adalah sesuai dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh negara-negara lain di dunia ini dan oleh Persekutuan Pengakap Sedunia yang telahpun menukarkan namanya. Di samping itu Seksyen Baru 13 (1) memperuntukkan

penalti bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini. Seksyen ini dengan tidak sengaja telah tertinggal dalam Akta Tahun 1968.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Lau Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.18 ptg.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill ini untuk diluluskan.

Saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan kerana mengemukakan Bill ini meminda nama dari Persekutuan Budak budak Pengakap Malaysia kepada Persekutuan Pengakap-pengakap Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang berjiwa pengakap semenjak tahun 1931 hingga hari ini, saya merayu kepada Ahli-ahli Dewan Negara ini, kepada Pegawai-pegawai Kerajaan yang ada di Dewan ini dan juga kepada Pemberita-pemberita Akhbar marilah kita menyokong pergerakan pengakap yang mana telah ditubuhkan di negara kita ini dari tahun 1921 dan hidup subur hingga hari ini.

Di Malaysia pada masa ini kita ada pergerakan pengakap hampir-hampir 40,000 orang, dan Pengakap Agong kita ialah Yang Berhormat Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir, Menteri Perhubungan dan penaungnya ialah Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan kita. Maka saya juga memberitahu kepada Ahli-ahli Dewan ini, cuma saya dan Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin sahaja yang mengambil berat tentang pengakap. Sekarang namanya sudah ditukar dari Budak-budak Pengakap Malaysia kepada Pengakap-pengakap Malaysia. Maka saya berharap apabila Ahli-ahli Dewan ini akan menyertai dalam pergerakan ini, kita sebagai ketua-ketua yang dilantik oleh Kerajaan mestilah masuk mencampuri apa sahaja kerja-kerja sukarela di kawasan kita. Saya bukanlah hendak "angkat bakul sendiri", tetapi di dalam Negeri Selangor, sayalah Pengerusi Majlis Pengakap Negeri Selangor, Pengerusi Pengakap Tempatan Daerah Kepong, Pengerusi Persatuan Palang Merah, Pengerusi St. John Ambulan dan juga Naib Pengerusi Bekas-bekas Perajurit Selangor. Jawatan itu semua kerja sukarela.

Dalam pengakap, saya suka beritahu ada dua peringkat. Satu peringkat beruniform ialah budak-budak di bangku sekolah. Guru-guru jadi pemimpin dan juga orang-orang dewasa, yang dinamakan Pengakap Kelana. Lagi satu terdiri dari orangramai yang dipanggil ahli biasa. Kita orang-orang tua, kalau masuk menjadi ahli biasa dan kerja-kerja kita menjadi Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan Ahli-ahli Jawatankuasa dan untuk mencari wang untuk ahli-ahli yang beruniform itu untuk membeli uniform, undang-undang pengakap, memberi mereka yang mengadakan Camping Jamboree dan berlatih supaya mereka menjadi orang yang berguna kepada bangsa dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya pada Bill ini, maka saya merayu sekali lagi kepada Ahli-ahli Dewan, apabila mereka balik ke kawasan masing-masing, tolonglah masuk menadi Ahli Persekutuan Pengakap Malaysia. Kalau tidak mahu beruniform jadi ahli biasa pun jadilah.

Saya menyokong Bill ini untuk diluluskan.

5.24 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil peluang mengucapkan terima kasih banyak kepada Ahli Yang Berhormat sahabat saya, Senator Ibrahim Yaacob, yang begitu aktif dan menyatakan bahawa beliau dan sahabatnya mengambil bahagian aktif dan kuat dalam urusan pengakap di Malaysia ini. Saya rasa bagi pihak rakan-rakan yang lain akan bersama-sama saya mengucapkan terima kasih banyak.

Walaupun telah dinyatakan dengan panjang lebar akan jasa dan usaha kemajuan pengakap ini, tetapi saya suka hendak menyatakan di sini sokongan saya kepada Bill ini ialah mengenai memperluaskan bidang khidmatnya, maka ini adalah satu langkah yang baik bagi perkembangan pengakap seluruhnya. Akan tetapi, kita dapati perbezaan pengakap sebelum perang dengan pengakap selepas perang. Sungguhpun saya tidak cergas sebagaimana yang dikatakan oleh Senator Ibrahim Yaacob tadi, tetapi bolehlah saya katakan saya juga jadi pengakap daripada kecil sehingga saya meninggalkan jawatan guru, tetapi oleh sebab kedudukan berjauhan, kepayahan perhubungan dan mungkin tidak ada ketelapangan sebagaimana saudara-saudara

saya yang tinggal di Kuala Lumpur ini yang mendapat kedudukan dan perkhidmatannya direkodkan lebih baik daripada yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tujuan pengakap itu selain daripada tujuan-tujuan biasa, pengakap ialah kerana membaiki akhlak di kalangan anak-anak yang akan mewarisi zaman yang akan datang. Gerakan pengakap sebelum perang atau semasa pemerintahan penjajahan, kita boleh dapati amalan pengakap itu daripada bangku sekolah sehingga kepada badan-badan pengelola mereka yang lebih tinggi iaitu mengekalkan cara berlaku sopan-santun, hormat menghormati dan sebahagian daripada apa yang ada pada sahabat saya Yang Berhormat Senator Ibrahim Yaacob barangkali amalan-amalan yang diajarkan atau dilatih dalam masa sebelum perang dunia, dalam zaman penjajah dahulu. Apa yang saya maksudkan di sini, pada zaman sebelum perang di dalam gerakan pengakap itu dijadikan satu perkara yang mesti di dalam sekolah-sekolah. Sekolah mestilah mengadakan perkhidmatan pengakap di sekolah-sekolah dan ini dipertimbangkan keutamaan kenaikan pangkat, kalau sekiranya guru-guru itu sendiri mengambil bahagian yang aktif dalam pergerakan pengakap. Dengan sebab itu, gerakan pengakap sebelum perang berbeza dengan keadaan sekarang ini. Oleh sebab sekarang ini guru-guru tidak diberi kemudahan dan galakan bagi mengekalkan khidmat ini sebahagian daripada kerja guru di sekolah-sekolah.

Sebagaimana saya katakan tadi pada zaman sebelum perang guru-guru sekolah, baik di sekolah Melayu atau di sekolah Inggeris, guru-guru yang berkhidmat dengan pasukan pengakap diberi pertimbangan kenaikan pangkat, kenaikan gaji, kemudahan dan sebagainya. Kalau sekiranya khidmat pengakap yang ada sekarang ini ingin lebih berkesan pada hemat saya yang daif, Kementerian Pelajaran mestilah memasukan gerakan pengakap atau pandu puteri ini sebahagian daripada kerja-kerja guru di dalam tiap-tiap sekolah. Dengan itu, dapatlah mereka melatih murid-murid ini daripada kecil sehingga dewasa sehinggalah menjadi pengakap tua, pengakap raja, pengakap laut dan sebagainya. Kalau usaha ini dilakukan, pada hemat saya kita boleh mengubati sebahagian daripada penyakit akhlak di dalam negara kita.

Pada hari ini, kita tidak nampak kalau kita berjalan di mana-mana lorong kedapatan kulit pisang umpamanya, orang muda ataupun orang tua yang akan mengalih kulit pisang itu ke tepi atau dimasukkan ke dalam tong sampah dengan tujuan menyelamatkan orang yang lain, kalau lalu di jalan itu nanti terpijak kulit pisang itu akan menyebabkan dia jatuh dan sebagai. Gerakan yang ada sekarang ini, saya tidak katakan tidak bergerak, tetapi landasan itu tidak kita mulakan daripada bangku sekolah. Pepatah ada mengatakan, jika kita hendak membentuk budi-pekerti dan sebagainya, kita harus melentur rebung sebelum menjadi aur. Kalau sekiranya Kementerian Pelajaran boleh memberi khidmat atau membuat sebahagian daripada perintah atau khidmat yang dikehendaki daripada guru-guru samada sekolah rendah, sekolah menengah atau sekolah tinggi, menjadikan satu perkara yang mesti diadakan pada tiap-tiap sekolah maka pada hari ini kita boleh dapat mengagakkan perkembangan perkhidmatan pengakap itu akan menyeluruh di negara kita.

Saya tidak bercakap bahawa sanya pergerakan pengakap hari ini kurang baik atau tidak begitu baik, atau tidak mengatasi pengakap pada zaman sebelum perang, tetapi keadaan lat.han itu pada hari ini, saya nampak kurang diberikan dibandingkan pada masa sebelum perang. Kalau dapat kita usahakan ini akan boleh dibaiki akhlak negara, kita boleh mengubati negara kita sekarang ini daripada kelakuan-kelakuan jenerasi muda yang tidak bertanggungjawab yang menyebabkan akhirnya menjadi orang yang tidak dikehendaki zaman.

Inilah harapan saya dalam masa membahaskan Bill ini dan akhirnya saya menyokong Bill ini.

5.31 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun dan menyokong Bill yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya penukaran nama Persekutuan Budak-budak Pengakap kepada Persekutuan Pengakap-pengakap Malaysia sangatlah sesuai dengan masa dan perkembangan

gerakan pengakap dalam negara kita Malaysia ini. Kita sama-sama mengetahui bahawa dalam gerakan pengakap dalam negara kita sekarang ini, maka ada didapati gerakan-gerakan pengakap yang dianggotai oleh belia-belia, beliawanis dan orang-orang dewasa, terutama sekali gerakan pengakap yang telah wujud di seluruh negara kita ini. Dengan penukaran nama ini sangatlah sesuai dengan gerakan itu sendiri iaitu anggota-anggota pergerakan pengakap ini dari orang-orang dewasa bersama-sama dengan kanak-kanak sekolah. Namanya yang dahulu yang boleh dikatakan nama sebagai kanak-kanak sekolah sahaja tiadalah sesuai lagi sekarang.

Perkara yang baik yang saya rasa dengan adanya gerakan pengakap dalam negara ini, ialah dengan adanya tambahan Seksyen 13A yang baru. Bersangkut dengan Seksyen ini: seseorang yang melanggar mana-mana daripada peruntukan-peruntukan Akta ini boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu bulan. Tambahan seksyen ini akan memberi faedah yang amat besar kepada nama baik pergerakan pengakap ini dan juga kepada budi-pekerti anggota-anggota pergerakan pengakap itu. Tiadalah boleh dinafikan bahawa tentulah ada orang di kalangan masyarakat di negara kita ini yang mungkin menggunakan pergerakan pengakap ini untuk mencapai hasrat dan kepentingan dirinya sendiri. Jika sekiranya hasrat dan kepentingan diri itu buruk, maka tentulah nama baik pergerakan ini akan tersentuh, walaupun hasrat dan kepentingan diri itu tercapai. Dengan demikian, maka seksyen tambahan ini sangatlah perlu untuk menghukumkan orang-orang yang berkelakuan seperti yang tersebut itu. Di dalam gerakan pengakap ini ada didapati musuh-musuh yang menggunakan gerakan pengakap ini untuk kepentingan hawa nafsu. Contohnya, peristiwa yang berlaku dalam tahun 1972 yang lalu adalah satu peristiwa yang amat menyedihkan dan memburukkan pergerakan pengakap itu. Peristiwa itu berlaku semata-mata dengan acumen dari manusia yang tersebut itu.

Dengan adanya Seksyen tambahan ini, maka orang-orang yang boleh dianggap pengkhianat kepada pergerakan pengakap ini bolehlah dijatuhkan hukuman di atas

perbuatannya itu. Maka dengan Seksyen tambahan ini, saya menyokong Bil ini dengan sepenuhnya.

5.37 *ptg.*

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan sedikit pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin tadi terhadap guru-guru dalam pergerakan pengakap, Pandu Puteri dan sebagainya.

Bagi makluman Dewan ini guru-guru adalah digalakkan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti seperti pengakap dan Pandu Puteri, dan perkiraan naik pangkat mereka juga diambil pertimbangan semasa diberi kenaikan pangkat dan sebagainya.

Pada masa sekarang ini di Maktab-maktab Perguruan untuk guru-guru pelatih yang bakal menjadi guru pada masa akan datang adalah diwajibkan mereka itu mengambil perkara-perkara seperti *extra-curricular activity*, termasuklah pengakap dan juga aktiviti-aktiviti yang beruniform seperti Pandu Puteri bagi bakal-bakal guru perempuan dan St. John's Ambulance, Red Cross dan sebagainya. Penuntut-penuntut itu hendaklah mengambil bahagian dalam masa latihan mereka di Maktab Perguruan selama 2 tahun, dan apabila mereka keluar dari Maktab Perguruan mereka akan meneruskan perkhidmatannya dalam pergerakan-pergerakan seperti pengakap dan Pandu Puteri. Dengan itu, memanglah pengakap-pengakap tersebut diharapkan pada masa akan datang lebih berkesan lagi dan juga mereka akan diberi pertimbangan apabila naik pangkat berkenaan dengan aktiviti-aktiviti mereka, bukan sahaja dalam pergerakan pengakap, bahkan juga dalam pergerakan-pergerakan yang lain. Saya harap dengan penjelasan ini akan dapat menjelaskan sedikit kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Kementerian Pelajaran mengambil berat berkenaan dengan pergerakan-pergerakan pengakap, Pandu Puteri, kerana ini akan menjaga anak-anak kita supaya tidak tercebor dalam hal-hal yang tidak diingini pada masa akan datang.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, Saya bersetuju dengan apa yang diterangkan

oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan saya fikir itu adalah satu langkah yang baik. Tetapi apa yang saya maksudkan bahawa Jabatan Pelajaran hendaklah menentukan dan menghendaki supaya tiap-tiap sekolah menengah mengadakan satu atau dua pasukan pengakap atau Pandu Putri, kerana pada hari ini tidak ada perintah dari Jabatan Pelajaran khususnya kepada se-sebuah sekolah, hanya terpulang kepada pandangan guru-guru itu sahaja. Apa yang saya tegaskan bahawa Kementerian Pelajaran hendaklah memerintahkan pada tiap-tiap sekolah menengah atau sekolah rendah mengadakan atau menubuhkan pergerakan pengakap atau Pandu Putri. Sebab ada sekolah menengah yang tidak ada pergerakan pengakap padahal guru-guru itu semua mendapat latihan daripada Maktab Perguruan dan sebahagian daripada guru-guru yang mengajar di sekolah itu pernah menjadi ahli pergerakan pengakap dalam masa mereka menuntut di Maktab Perguruan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Setahu saya telah pun ada arahan kepada sekolah-sekolah menengah untuk mengadakan pergerakan-pergerakan pengakap, Pandu Putri, Red Cross, St. John's Ambulance dan juga di sekolah-sekolah menengah sains yang berasrama penuh kita menggalakkan sekolah-sekolah itu menubuhkan pasukan pancaragam dan sebagainya. Kalau Ahli Yang Berhormat itu boleh beri nama sekolah menengah yang dikatakan tidak ada pasukan pengakap itu, saya akan menyiasat atas hal itu. Tetapi setahu saya semua sekolah-sekolah menengah hendaklah mengadakan pergerakan-pergerakan yang beruniform dan juga perkara-perkara yang lain seperti muzik atau pasukan pancaragam dan sebagainya.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, bagi menggulung perbahasan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga orang Ahli Yang Berhormat kerana telah menyokong Rang Undang-undang ini, khasnya kepada Yang Berhormat Tuan Ibrahim Yaacob yang menyatakan bahawa beliau sendiri dan Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin, dua orang Ahli Yang Berhormat daripada Dewan ini adalah pengakap. Nampaknya sesuai benar nama Persatuan Budak-budak Pengakap Malaysia ini ditukar, kerana dua orang Ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini yang mana kelayakan untuk menjadi

Senator ialah berumur tidak kurang daripada 31 tahun baru boleh jadi Ahli Senate, tetapi tidaklah patut kalau ada dua orang budak pengakap dalam Dewan ini. Saya ucapkan terima kasih atas teguran mereka itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG POLITEKNIK UNGKU OMAR

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.40 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Politeknik Ungku Omar, 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Politeknik Ungku Omar telah ditubuhkan pada tahun 1969 d. atas kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dengan United Nations Development Programme (U.N.D.P.). U.N.D.P. telah menyumbang tenaga penasihat, alatan dan biasiswa bernilai kira-kira US\$1.76 juta. Manakala Kerajaan Malaysia pula telah mengeluarkan sebanyak lebih kurang M\$20 juta dalam bentuk perkhidmatan tempatan, bangunan-bangunan dan juga alatan. Politeknik ini ditubuhkan untuk melatih tenaga rakyat diperingkat pertengahan, khususnya di dalam bidang teknik dan perdagangan. Di dalam menjalankan tugasnya politeknik ini dibantu oleh sebuah Lembaga Penasihat yang d.anggotai oleh Ahli-ahli daripada Pegawai-pegawai Kerajaan dan juga wakil-wakil dari pihak swasta. Lembaga ini menasihati Politeknik dari segi Pentadbiran Am, Kewangan dan juga kursus-kursus yang diadakan.

Setelah 5 tahun Politeknik ini ditubuhkan dan bergerak sebagai sebuah badan Kerajaan, maka adalah difikirkan sudah sampai masanya ia dijadikan sebuah Badan Berkanun. Politeknik Ungku Omar bukan sebuah sekolah. Ia adalah sebuah yayasan yang memberikan latihan diperingkat pertengahan khususnya latihan untuk juruteknik-juruteknik dan ahli-ahli perdagangan. Latihan praktik pelajar-pelajar politeknik ini diberikan bukan sahaja di sektor awam bahkan juga di sektor swasta dengan menjadikannya sebuah Badan Berkanun. Politeknik ini akan dapat bergerak dengan lebih pantas dan lincin lagi. Politeknik juga akan mempunyai kebebasan untuk mendapatkan unsur-unsur kewangan daripada punca-punca lain selain daripada Kerajaan.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menjadikan Politeknik Ungku Omar sebagai sebuah Badan Berkanun yang mempunyai tugas-tugas untuk mengadakan pengajian dan latihan dalam bidang teknologi dan perdagangan dan lain-lain pengajian dan latihan yang diluluskan oleh Menteri Pelajaran. Politeknik ini akan dikelolai oleh satu Lembaga Pengelola yang ditubuhkan di bawah Fasal 5. Fasal itu juga menghuraikan perlantikan dan bilangan ahli-ahli serta tanggungjawab-tanggungjawab dan tugas-tugas Lembaga.

Fasal 9 pula menghuraikan kuasa Lembaga mengenai pemegang harta dan membuat kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.45 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan. Di samping itu, pengambilan penuntut Politeknik ada beberapa syarat yang tertentu, saya harap syarat-syarat itu dilonggarkan sedikit, kerana di dalam perkembangan ekonomi yang pesat, maka pelajar-pelajar atau penuntut-penuntut dari luarbandar hendaklah diambil dengan banyak.

Bukanlah maksud saya dengan melonggarkan syarat-syarat tersebut mengecilkan Politeknik Ungku Omar, tetapi dengan tujuan supaya mendapat peluang-peluang, kerana kita dapati hari ini kalau pelajar dari luarbandar hendak memasuki satu kolej atau satu-satu sekolah kadang-kadang mendapat jawapan bahawa pelajar tersebut atau murid tersebut tidak dapat masuk disebabkan syarat yang tertentu tidak mencukupi. Dengan sebab itu, saya nyatakan kalau ada beberapa syarat, apatah lagi yang menghalang penuntut-penuntut daripada luarbandar, maka syarat-syarat itu hendaklah dilonggarkan sedikit. Ini adalah dengan tujuan atau kehendak Kerajaan yang akan menjadikan kemajuan negara kita dengan pesatnya dan bertujuan bahawa dalam masa 20 tahun hendak memperseimbangkan negara kita Malaysia. Kita dapati hari ini kalau satu-satu industri ditubuhkan dan akan diberi keutamaan orang luarbandar, khususnya bumiputra, maka pihak yang berkenaan menjawab tidak boleh diambil kaum bumiputra, kerana syaratnya tak cukup, terutama pelajar-pelajar mahir dan sebagainya. Maka dengan sebab itu saya berharap supaya syor saya tadi akan diterima oleh Menteri dan akan mendapat pertimbangan yang sewajarnya.

Yang keduanya, sekolah ataupun politeknik sebagai Politeknik Ungku Omar ini amatlah mustahak. Mengikut pendapat saya ditubuhkan di beberapa tempat lagi sebagaimana MARA menubuhkan di berbagai-bagai tempat. Setahu saya sekarang akan ditubuhkan di Perlis dan saya sebagai seorang rakyat negeri Perlis mengucapkan tahniah kepada Jabatan MARA. Saya berharap juga kepada Kementerian yang berkenaan kalau boleh ditambahkan lagi sekolah-sekolah yang belajar jurusan teknik dan sebagainya, terutama di utara seperti Kedah dan Perlis dan juga di Pantai Timur yang agak bersesuaian dengan tujuan memajukan pelajaran anak-anak kita yang membawa matlamat tercapainya Dasar Ekonomi Baru yang selalu kita laung-laungkan sekarang.

5.51 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil sedikit sebanyak bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Pertamanya, saya suka mengucapkan berbilang terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan

kita, kerana mengenangkan jasa baik yang telah disumbangkan oleh Allahyarham Dr Ungku Omar. Allahyarham tersebut ialah seorang anak negara yang telah menyumbangkan banyak jasa kepada negara. Dan dengan Kerajaan menamakan Politeknik ini, maka dapatlah kita bersama-sama mengenang jasa yang tidak boleh dinilai harganya yang telah diberi oleh Allah Yarham Ungku Omar kepada negara dan bangsa.

Kedua, saya suka menyatakan bahawa Politeknik semacam ini sangatlah berguna. Saya sendiri telah berpeluang melawat politeknik itu semasa saya menjadi salah seorang daripada ahli penasihat Majlis Pelajaran Tinggi. Dan boleh dikatakan bukan saya sahaja tetapi kepada semua ahli-ahli Majlis yang melawat Politeknik itu, bahawa kami berpuashati dengan pelajaran yang diajarkan di politeknik tersebut.

Di sini saya suka mengambil kesempatan untuk menyeru kepada firma-firma, terutamanya firma-firma swasta engineering yang banyak menggunakan penuntut-penuntut lepasan, politeknik itu. Di sini saya suka meminta firma-firma itu membantu dengan sedikit-sebanyak membiayai penuntut-penuntut di sana samada secara biasiswa atau scholarship atau apa-apa juga sumbangan kewangan kerana di sini nampaknya di bawah peruntukan Fasal 10 (2) (e) maka bolehlah Politeknik ini menerima apa-apa pemberian sukarela kepada Lembaga atau kepada Politeknik ini. Di sini saya minta firma firma yang banyak tumbuh sekarang ini seperti firma-firma Ietronik, firma-firma multinational yang sekarang sedang berkembang di negara kita ini untuk membantu sedikit sebanyak membiayai penuntut-penuntut kita yang ada di Politeknik itu.

Sekianlah sahaja, dan saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

5.55 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam masa membahaskan Bill ini, saya suka hendak menarik perhatian Kerajaan iaitu berhubung dengan politeknik itu sendiri.

Pada masa yang akhir-akhir ini keadaan politeknik atau penuntut lepasan Politeknik Ungku Omar didapati layanan yang mereka terima daripada Kerajaan sendiri dalam masa mendapatkan jawatan agak rendah apabila

dibandingkan dengan penuntut lepasan Institiut Teknologi Kebangsaan (I.T.K.). Dengan demikian, saya sukacita menarik perhatian Kerajaan, mengikut peruntukan dalam Rang Undang-undang ini bahawa Fasal—Penubuhan Lembaga Pengajian:

15. Lembaga hendaklah menubuhkan suatu badan yang dikenali sebagai Lembaga Pengajian Politeknik dan adalah menjadi kewajipannya untuk menasihati Lembaga mengenai perkara-perkara akademik mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

Saya sukacita menarik perhatian Kerajaan dan dalam masalah ini hendaklah tidak ada perbezaan penilaian penuntut lepasan I.T.K. dengan penuntut lepasan Politeknik Ungku Omar terutama dalam jurusan juruteknik atau kejuruteraan. Pada masa memohon jawatan dalam bahagian Kerajaan biasanya nilai penuntut lepasan Politeknik Ungku Omar ini, sebagaimana saya kata tadi, mendapat rendah pandangannya daripada penuntut-penuntut lepasan dari institiut-institiut yang lain. Pada hal pengajian dan kebolehan penuntut-penuntut lepasan itu adalah sama.

Pada masa ini swasta sendiri juga banyak menerima penuntut lepasan politeknik. Dan sebagaimana yang saya kata tadi, badan-badan berkanun ada mengambil penuntut lulusan Politeknik Ungku Omar sedangkan dia atau penuntut-penuntut itu bekerja dengan badan berkanun itu dapat menunjukkan khidmat yang baik yang setanding dengan penuntut lepasan I.T.K. Dengan yang demikian, nilai yang ada sekarang ini kalau sekiranya Kerajaan dapat berbuat sedikit sahaja bahawa tidak ada perbezaan, kelulusannya sama, pengajiannya sama di antara Institiut Teknologi Kebangsaan (I.T.K.) dengan Politeknik Ungku Omar. Dengan jalan demikian, dapatlah rakyat negeri ini atau orang yang berkenaan dalam badan-badan Kerajaan sendiri boleh menimbangakan perjawatan penuntut-penuntut politeknik. Inilah satu perkara yang mustahak pada hemat saya Kerajaan memberi handicap kepada Politeknik Ungku Omar ini sedangkan khidmat penuntut-penuntut lepasan ini setelah diduga dan diacu dalam perkhidmatannya nilainya tidak kurang daripada apa yang didapati di lain institusi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih banyak kerana politeknik ini melantik satu Lembaga. Dengan yang demikian boleh menghuraikan masaalah-masaalah yang tersendiri dari penuntut-penuntutnya dengan pentadbiran. Ini boleh menjauhkan badan-badan atau sekolah-sekolah daripada melakukan sebarang perkara yang tidak diingini.

Baru-baru ini, kita berasa malu, selepas penutupan Instituti Teknologi MARA tidak menyambung pelajarannya beberapa bulan, maka sekarang ini timbul pula Sekolah Pertanian yang berlaku tunjuk perasaan iaitu membawa dari Serdang hingga ke beberapa tempat dalam tanahair kita. Apabila berlaku masaalah ini barulah Menteri yang berkenaan meminta supaya dialog di antara penuntut-penuntut dengan pihak yang berkenaan. Samada dialog itu ada atau tidak, tetapi kesannya ada dalam tiap-tiap hati kecil rakyat negeri kita bahawa susunan pentadbir sekolah-sekolah kita sekarang ini masih belum kemas dan belum begitu licin. Setelah mengadakan tunjuk perasaan dan setelah mengadakan piket, baharulah Kerajaan menghulur tangan mengadakan dialog bagi mencari jalan membaiki atau mengadakan keadaan-keadaan yang lebih baik. Walaupun Instituti Pertanian yang saya maksudkan tadi, termasuk di tempat saya, di Kuala Lipis, tidak di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran yang ada hari ini, tetapi tentang mendapatkan tempat-tempat pelajaran pada hemat rakyat adalah sama, samada dia di bawah Kementerian Pelajaran ataupun Kementerian Pertanian atau lain-lain, itu tidak menjadi soal.

Soalnya sekarang ini mestilah satu badan atau sekolah seperti ini umpama dicontohkan Sekolah Politeknik Ungku Omar mengadakan badan, lembaga pengelola atau penasihat yang boleh mengatasi masaalah yang timbul di antara pelajar dengan pentadbir. Apabila berlaku satu-satu masaalah sebagaimana yang berlaku hari ini, buruknya itu akan terpulung kepada Kerajaan sedangkan Kerajaan hendak memberi pelajaran kepada rakyat negeri ini seberapa boleh supaya mereka boleh pada masa yang akan datang menjadi rakyat yang lebih baik yang mempunyai pelajaran.

Langkah yang dibuat ini adalah satu langkah yang sangat baik dan saya alu-alukan. Sekiranya sekolah-sekolah lain mengikut

langkah-langkah yang ada hari ini, mengikut kehendak Bil ini, saya rasa perkara tunjuk perasaan, piket yang menjatuhkan imej Kementerian itu sendiri dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka menyatakan sedikit sebanyak dalam masaalah Fasal 15 tadi yang saya harap Menteri yang berkenaan dan dapat menerima nasihat yang lebih baik daripada mana-mana badan. Kepada Lembaga Pengajian Politeknik ini menjadi kewajipan untuk menasihat Lembaga supaya akademik ini boleh ditinggikan dan boleh memberi peluang kepada penuntut-penuntut lepasan daripada Politeknik Ungku Omar ini menyambung pelajaran kepada badan-badan yang lebih tinggi pada masa yang akan datang. Usaha ini harus kita tumpukan baik-baik. Kita harap ada penuntut-penuntut daripada Politeknik Ungku Omar ini jika diberi bimbingan yang baik dan peluang yang ada ia akan menjadi seorang ahli dalam sesuatu bahagian.

6.04 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini dan suka memberi sedikit-sebanyak pandangan saya kepada pihak yang berkenaan tentang perkara latihan teknikal kepada anak negara kita pada masa ini.

Politeknik Ungku Omar ini ditubuhkan oleh Kerajaan sebagai satu sekolah politeknik dan hari ini kita hendak jadikan dia satu badan yayasan yang bergerak sendiri. Ini adalah saya proses dalam memperbanyakkan juruteknik-juruteknik di negara kita ini. Saya rasa proses cara ini adalah satu proses cara lama yang mengambil masa yang sangat lewat bagi masa kemajuan ini. Pada pendapat saya Kerajaan sepatutnya mengadakan sekolah-sekolah politeknik ini dengan cara yang lebih segera, dengan cara yang lebih cepat supaya dapat menyesuaikan keadaan perkembangan kita pada masa akan datang. Umpamanya, kita tidak perlu lagi menubuhkan sekolah, kemudian baru hendak dijadikan yayasan.

Pada saya, Kementerian Pelajaran boleh menjadikan satu badan perantaraan yang akan menggerakkan firma-firma yang besar-besar yang ada dalam negara kita hari ini supaya berhubung dengan Kerajaan-kerajaan

luar negeri untuk menubuhkan sekolah-sekolah politeknik, untuk mengadakan pusat-pusat latihan teknik bagi mengeluarkan technician dengan lebih ramai dalam negara kita ini. Yayasan-yayasan yang seperti ini boleh digalakkan dengan seberapa banyak dengan memanggil firma-firma, umpama, dalam negara kita hari ini perkembangan firma berkenaan dengan elektronik telah mempunyai beberapa banyak kompeni yang ada kilang-kilang elektronik yang berkehendaklah kepada juruteknik-juruteknik yang terlatih untuk pekerjaan mereka, untuk membantu firma-firma ini menjalankan kilang-kilangnya.

Sekiranya mereka ini boleh mencari keuntungan yang besar daripada usaha kilang mereka dalam negara kita ini, kenapa mereka tidak dapat meletakkan sebahagian daripada keuntungan itu untuk membina pusat-pusat teknik yang boleh melatih anak-anak negeri kita mengeluarkan technicians yang berguna bagi kilang-kilang mereka dan bagi orang-orang yang hendak membuka kilang dalam negara kita ini. Kalau kita katakan dalam bahagian pembinaan, kita ada pertubuhan-pertubuhan syarikat-syarikat binaan yang besar-besar yang berkehendak kepada technicians, yang berkehendak kepada tukang-tukang simen, tukang-tukang besi, tukang kayu yang mahir daripada rakyat, daripada anak muda dalam negara kita ini.

Sekarang Kerajaan telah meletakkan satu syarat supaya firma firma pembinaan mesti mengambil bumiputra bekerja di dalam firma-firma mereka untuk menjadi juruteknik dan sebagainya, mengambil bahagian cergas dalam pembinaan dan sebagainya, tetapi mereka ini tidak dapat orangnya, tidak ada anak-anak muda kita daripada bumiputra yang mempunyai kemahiran ataupun yang mempunyai separuh mahir untuk bekerja dalam firma-firma ini.

Setengah daripada mereka ini yang keluar daripada I.T.M. umpamanya, daripada sekolah-sekolah yang ada di dalam negara kita ini kadang-kadang tidak begitu layak dalam latihan mereka. Bila mereka keluar, pergi bekerja dengan firma-firma, mereka tidak tahan lasak, kadang-kadang mereka bertukar fikiran, lari bekerja di tempat lain, kerana tidak tahan lasak.

Sekiranya kita adakan pusat-pusat latihan yang telah disokongkan oleh ahli swasta sendiri dengan disokong oleh Kerajaan, mereka ini lebih mengetahui bagaimana cara hendak memberi latihan-latihan kepada anak-anak muda kita ini sesuai dengan kerja-kerja yang mereka jalankan, barangkali kita boleh galakkan supaya diadakan satu pusat latihan bagi pembinaan, umpamanya, yang mana akan disumbangkan kewangannya oleh syarikat-syarikat binaan dalam negara kita ini, dengan kerjasama Kerajaan dan bantuan-bantuan daripada negeri-negeri luar. Kita boleh adakan satu pusat teknik yang boleh melatih tukang-tukang pelan (draughtsmen) yang boleh memberi sumbangan kepada firma-firma akitek yang ada dalam negara kita ini yang mana sangat kurang bumiputra yang boleh bekerja sebagai akitek di dalam firma-firma akitek yang ada hari ini. Pada masa ini Kerajaan telah memberi satu galakan supaya tiap-tiap firma yang mempunyai bumiputra bekerja dengan firma-firma profesyenal ini supaya dapat keutamaan dalam pekerjaan mereka, dan banyak daripada orang-orang yang bukan bumiputra ataupun syarikat-syarikat daripada luar negeri yang hendak membuka cawangan di sini berkehendak akitek, loyar, juruteknik dan sebagainya daripada bumiputra supaya dapat bekerjasama membina firma mereka ada menjalankan pekerjaan mereka, tetapi bidang-bidang ini pihak bumiputra masih kekurangan di dalam negara kita ini.

Kalau sekiranya kita proses pembinaan yayasan ini dengan cara lama, cara menubuhkan sekolah, kemudian daripada sekolah menjadi yayasan, kemudian daripada yayasan baru kita hendak naikkan ke taraf profesyenal, ini adalah satu proses yang sangat lambat untuk kemajuan negara kita hari ini. Hari ini kita berkehendakkan cepat, kita mesti uruskan kerja kita dengan cara atau jalan yang sehabis dekat sekali iaitu caranya ialah Kerajaan dan swasta hendaklah bekerjasama. Bekerjasama dalam membentuk yayasan lebih banyak lagi dalam negara kita ini, membentuk pusat-pusat latihan yang lebih besar lagi dan meletakkan harga yang lebih baik kepada kelulusan-kelulusan mereka itu. Saya rasa banyak sekolah-sekolah pertukangan yang ditubuhkan oleh Kerajaan, banyak sekolah pertukangan rendah, menengah dan sebagainya, tetapi daripada perhatian saya tidaklah

begitu dikenali oleh syarikat swasta yang ada dalam negara kita ini. Apa yang dikenali cuma I.T.M., siapa hendak pakai pekerja yang mahir, maka mereka memandangi kepada I.T.M. sahaja tempat bagi mendapatkan kakitangan yang terlatih, bahkan barangkali Politeknik Ungku Omar ini pun jarang sekali mendapat perhatian daripada pihak swasta, kerana pihak swasta tidak mengenali dengan sepenuhnya Politeknik Ungku Omar ini.

Publisiti yang diberikan oleh I.T.M. itu saya rasa lebih besar daripada publisiti yang diberikan oleh Universiti Malaya dan I.T.K., kadang-kadang orang lupa I.T.K., orang lebih mengenali I.T.M. Jadi ini adalah satu keadaan yang berlaku di hadapan kita, yang perlu kita baiki. Umpamanya, Menteri yang berkenaan bercakap tadi dalam mengemukakan Bil ini, barangkali kita tidak dengar berapa banyak juruteknik yang telah lulus daripada Politeknik Ungku Omar semenjak Politeknik ini dibentuk oleh Kerajaan. Cuma kita diberikan penerangan sekolah itu hendak dijadikan yayasan, tetapi tidak diketahui berapa angka yang telah lulus dan yang telah keluar dari politeknik itu dan berkhidmat kepada rakyat dan negara ini.

Saya rasa kita perlu tahu bagaimana tinggi harga kelulusan daripada Politeknik Ungku Omar ini. Kita mahu Politeknik yang seumpama ini dikenali oleh swasta, sebab kalau swasta tidak mengenalinya, maka orang-orang yang belajar dalam Politeknik itu tidak dapat penghargaan yang baik daripada pihak swasta. Sebagaimana kata sahabat saya tadi, Kerajaan sendiri tidak begitu menghargai, berbanding dengan apa yang sudah diberikan penghargaan kepada I.T.K. Kalau demikian sikap Kerajaan, pihak swasta lebih tidak mengenali lagi bagaimana kelayakan pelajar Politeknik Ungku Omar ini. Saudara saya Senator Kamarul Arifin sendiri telah melawat dan didapati Politeknik Ungku Omar adalah sebuah politeknik yang baik, yang bernilai yang boleh mengeluarkan pekerja yang dapat memuaskan hati swasta, umpamanya, tetapi swasta tidak mengenali, tidak dapat meletakkan penghargaan. Sebelum mereka kenal, mereka tidak akan meletakkan penghargaan. I.T.M. oleh kerana dikenali, maka penghargaannya diberi oleh swasta dan sebagainya.

Ini adalah pandangan saya. Kerajaan bukan sahaja menjadikan Politeknik Ungku Omar satu yayasan, tetapi bergerak lebih maju lagi iaitu memperkenalkan kepada swasta-swasta itu, umpamanya, syarikat-syarikat yang ada dalam negara ini ada association. Pihak pembinaan ada mempunyai Master Builders Association, pihak syarikat profesyenal ada mempunyai pertubuhan-pertubuhannya sendiri. Panggil semua pertubuhan-pertubuhan itu, adakah satu rundingan bersama, tubuhkan yayasan yang perlu bagi membanyakkan lagi bumiputra dan sebagainya untuk menceburkan diri dalam badan-badan yang diperlukan ini. Itulah sahaja pandangan saya.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Politeknik Ungku Omar 1974 ini. Saya cuma ada dua perkara sahaja hendak kemukakan.

Pertama adalah benar syarat-syarat masuk Politeknik ini tersangat ketat. Saya menyokong pendapat Senator Shaari bin Jusoh supaya dilonggarkan syarat-syarat masuk kerana walaupun penuntut-penuntut disokong oleh orang-orang besar, termasuk Ahli Yang Berhormat tidak dapat pertimbangan langsung dan permohonannya ditolak.

Kedua, bilangan penuntut masuk sangat kurang. Misalnya, kalau tak salah saya pada tahun 1974 ini penuntut yang membuat permohonan lebih kurang 7,000 orang, malangnya, hanya 10% sahaja diambil masuk. Saya harap Kerajaan akan menambah lebih banyak pengambilan penuntut pada masa hadapan supaya dapat melatih lebih banyak orang-orang yang mahir dalam teknik dan lain-lain untuk kemajuan negara kita.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Politeknik Ungku Omar ini. Sebagaimana sahabat saya Senator Kamarul Arifin, saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan, kerana memberikan nama Politeknik Ungku Omar ini untuk mengenangkan jasa Ungku Omar yang telah meninggal dunia semasa beliau berumur 37 tahun. Saya harap pada masa hadapan, Kerajaan juga akan membuat satu lagi Politeknik atau badan-badan lain yang akan dinamakan kepada negarawan kita Allahyarham Tun Dr Ismail kerana mengenangkan jasa beliau pada negara kita.

Berkaitan dengan Politeknik Ungku Omar ini, saya rasa perkara yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan cara untuk menubuhkan politeknik dengan cepat ataupun dilonggarkan syarat-syarat termasuk, saya tidak setuju sekali-kali, sebab bila kita longgarkan cara-cara termasuk, standardnya akan turun dan murid-murid tadi akan tak dapat belajar dengan cara standard yang diakui oleh tempat-tempat lain di dunia. Misalnya, kalau satu bangunan dibuat oleh orang yang kurang berpengalaman, mungkin bangunan itu akan jatuh. Begitu juga sesuatu jambatan itu akan roboh. Jadi caranya bukan begitu, tetapi caranya untuk memberi seberapa banyak didikan yang boleh supaya mereka setanding dengan orang-orang lain di dunia ini.

Seperkara lagi, oleh sebab saya bercakap bersangkut-paut sedikit sebanyak dalam hal pelajaran dan yayasan ialah guru-guru sains. Bukan sahaja kita sekarang di dunia ini telah kekurangan barang-barang tetapi juga kekurangan guru-guru dalam bahagian sains. Apabila keputusan telah diambil untuk menubuhkan Cawangan I.T.M. di Kota Kinabalu, kita telah cuba mengambil guru-guru di merata tempat dalam dunia. Sungguhpun akhirnya kita berjaya, tetapi perkara itu mengambil masa juga. Jadi guru-guru dalam bahagian sains ini bukanlah satu perkara yang kita boleh dapat dengan lebih cepat. Jadi kalau hendak buat pun Politeknik ini atau lain-lain kita kena ada syarat yang lain yang cukup.

Satu perkara lagi tentang firma yang dibawa oleh sahabat-sahabat saya di sini, saya rasa kepada firma-firma yang telah lama yang telah mendapat banyak keuntungan dalam perniagaannya dalam negeri kita ini, mereka patut membiayai anak-anak bumiputra supaya mereka dapat menentukan yang dalam masa 20 tahun ini sekurang-kurangnya 30% bumiputra ada dalam firma masing-masing. Jadi perbelanjaan itu sekurang-kurangnya 50%, Tuan Yang di-Pertua, patutlah datang daripada firma-firma tadi. Jikalau semuanya diserahkan kepada Kerajaan untuk membuatnya, saya rasa ini adalah amat berat. Saya rasa kalau ini kehendak Kerajaan dan patut Kerajaan mencari satu jalan supaya mereka terpaksa memberi perbelanjaan untuk mendidik, untuk memberi training kepada anak-anak bumiputra. Selain daripada itu, saya harap Politeknik yang begini akan dibuat apabila

sampai masanya di merata-rata tempat dalam Malaysia dan juga saya harap satu akan didirikan di Sabah dalam beberapa tahun yang akan datang.

6.22 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ber-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sumbangan fikiran masing-masing terhadap pelajaran teknik di dalam negara kita. Izinkan saya menyentuh teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Shaari Jusoh iaitu syarat-syarat masuk patut dilonggarkan.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Senator Datuk Syed Kechik, kerana tidak bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Senator Shaari Jusoh tadi. Syarat syarat ini tidak boleh dilonggarkan. Sungguhpun kita tidak longgarkan, tetapi penuntut-penuntut dalam Politeknik Ungku Omar sekarang ialah 80% lebih daripada anak-anak luarbandar, dan sebagai Senator Yeap Kheng Yam tadi berkata, daripada 7,000 memohon cuma 7% sahaja diambil. Ini menunjukkan bahawasanya sungguhpun syarat-syarat hari ini yang dikatakan ketat itu masih lagi 7,000 penuntut-penuntut yang ada syarat-syarat untuk memasuki itu cukup, tetapi tidak dapat diambil dengan sebab tidak ada tempat. Jadi dengan itu tidak payah kita longgarkan syarat-syarat bahkan anak-anak luarbandar sudahpun dapat peluang memasuki di sini dengan ada syarat-syarat yang mencukupi.

Bagi pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Politeknik Ungku Omar ini adalah sebuah sekolah politeknik yang tinggi tarafnya daripada sekolah menengah vocational atau sekolah menengah teknik. Pada masa ini kita ada lebih kurang 20 buah sekolah menengah vocational dari segenap cerok negara-negara kita, yang mengeluarkan ahli teknik atau juru bena yang bertaraf rendah daripada Politeknik ini, tetapi mereka sangat digemari oleh firma-firma dan kilang-kilang yang ada dalam negara kita pada masa ini. Kelulusan-kelulusan bukan sahaja daripada Politeknik Ungku Omar, bahkan kelulusan daripada sekolah menengah teknik dan sekolah menengah vocational sangat laku pada hari ini, tidak payah lagi diiklan-iklankan. Sebelum mereka mendapat ijazah atau kelulusan, mereka

dipanggil terus oleh firma-firma dan kilang-kilang yang ada dalam negara kita hari ini, bahkan tidak cukup kakitangan di dalam kilang-kilang itu. Jadi mereka membuat tempahan lebih awal lagi sebelum penuntut-penuntut ini keluar daripada sekolah-sekolah menengah vocational, sekolah menengah teknik dan juga Politeknik Ungku Omar tadi. Sebagaimana Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan berkata tadi iaitu pihak swasta tidak mengetahui ini adalah pada pandangan saya tidak betul, kerana memang Politeknik Ungku Omar ini sentiasa dalam pengetahuan ahli-ahli ataupun bidang swasta, dan apabila ada hari terbuka di Politeknik Ungku Omar ini memang pihak-pihak swasta dijemput dan mereka datang dengan ramainya dalam mana-mana ada majlis-majlis, bukan sahaja di Politeknik Ungku Omar bahkan di sekolah-sekolah menengah teknik dan di sekolah-sekolah menengah vocational.

Suka saya menyentuh berkenaan dengan teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak berkenaan dengan taraf I.T.K. dan taraf Politeknik Ungku Omar adalah berlainan. I.T.K. ialah sebuah universiti dan Politeknik Ungku Omar ini bukan taraf universiti. I.T.K. mengeluarkan ijazah, politeknik cuma mengeluarkan diploma sahaja. Tetapi I.T.K. ada satu kursus juga iaitu kursus yang bertaraf diploma, kelulusannya tidak seperti kelulusan ijazah. Kursus ijazah adalah lebih lama daripada kursus diploma yang dianjurkan oleh I.T.K. kita yang bertaraf universiti, tetapi Politeknik Ungku Omar ini kursusnya 2 dan 3 tahun mengeluarkan taraf diploma sahaja.

Berkenaan dengan kedudukan Lembaga dalam Politeknik ini, memang sebelum daripada ini sudahpun ada Lembaga, tetapi dipengerusikan oleh seorang Pegawai Kanan Kementerian Pelajaran, dan kita berharap Lembaga pada masa akan datang yang lebih bebas lagi daripada Lembaga pada hari ini, mereka akan dapat menganjur ataupun menguruskan Politeknik ini lebih teratur dan lebih berkesan lagi.

Sebelum daripada inipun memang Lembaga ini selalu berdialog dengan penuntut-penuntut kalau sekiranya ada apa-apa rayuan daripada pihak penuntut. Tetapi kita berharap pada masa akan datang lebih-lebih lagi diadakan dialog sekiranya penuntut-penuntut berkehendakkan satu-satu perkara dengan pihak pentadbir politeknik.

Tetapi kita susah hendak menyatakan kadang-kadang penuntut-penuntut ini adakan demonstrasi atau picketing dan sebagainya. Ini memang susah bagi kita hendak menyangkakan, tetapi sekiranya ada sesuatu perkara yang tidak puas hati di pihak penuntut, kita berharap pihak penuntut ini akan sampaikan kepada pihak Lembaga supaya dapat pihak Lembaga ini untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh penuntut-penuntut.

Penuntut kelulusan daripada Politeknik ini memang diambil oleh universiti-universiti kita untuk pelajaran tinggi seperti di I.T.K. mengambil penuntut-penuntut keluaran daripada Politeknik yang kelulusannya baik untuk memasuki ke dalam kursus universiti, kursus ijazah. Begitu juga di pengajian engineering di Universiti Malaya mengambil penuntut-penuntut keluaran politeknik untuk memasuki kursus ijazah disana untuk menjadi engineer dan lain-lain jurusan.

Pengesyoran Yang Berhormat Datuk Nik Hassan tadi supaya firma-firma menubuhkan Politekniknya sendiri. Saya fikir perkara ini memanglah sukar kerana sesebuah Politeknik ini memakan belanja berpuluh juta bahkan beratus-ratus juta. Jadi tentulah kalau kita mensyaratkan firma-firma hendak mengadakan kilang-kilang di sini hendaklah menubuhkan

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahava: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya tidak mencadangkan supaya firma itu buat politekniknya sendiri. Apa yang saya sarankan tadi supaya Kerajaan bersama-sama dengan pihak swasta dan bersama-sama dengan pihak Kerajaan-kerajaan luar negeri supaya menubuhkan politeknik-politeknik ini dengan seberapa banyak yang boleh, bukan swasta sahaja yang menubuhkan—itu maksud saya tadi.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu memang politeknik pada hari ini kita mendapatkan bantuan daripada United Nations Development Planning Programme dan juga perbadanan yang lain, seperti Kerajaan-kerajaan Jerman, Amerika, Jepun, memberi bantuan kepada politeknik yang semacam ini. Tetapi dengan sebab seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Syed Kechik tadi yang sangat kita kesulitan hari ini ialah guru-guru ini susah kita hendak dapat. Politeknik

Ungku Omar kita dapat guru daripada negeri-negeri Jerman, Britain, Amerika, Jepun dan beberapa buah negeri lagi. Ini mereka menolong menghantar guru-gurunya. Kita ada cadangan hendak menubuhkan lagi sebuah Politeknik di Kuantan, saya telah bercakap baru-baru ini di dalam Dewan Rakyat, iaitu kita sudahpun mendapat pinjaman Bank Dunia untuk menubuhkan sebuah Politeknik lagi. Selain daripada Sekolah Menengah Teknik, dan Sekolah Menengah Vokesyenel yang sudahpun banyak seperti yang saya kata tadi lebih kurang 20 buah ada dalam negara kita hari ini. Dengan adanya Politeknik sebuah lagi kita harap banyak lagilah penuntut-penuntut kita dapat masuk pada masa yang akan datang, kita harap guru-guru ini banyakkah terlatih dalam sementara ini supaya dapat mengisi kekosongan ke dalam Politeknik yang akan dibuka pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengikut sama-sama dengan Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bin Mohd Yassin dan Senator Syed Kechik bin Syed Mohamed untuk menyeru pihak-pihak swasta ini, pihak firma memberi pertolongan dan bantuan kewangan dan juga tenaga pengajar dan sebagainya kepada Politeknik yang ada, dan bukan sahaja Politeknik, bahkan juga Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Vokesyenel yang ada dalam negara kita yang tidak mencukupi segala-galanya. Kita berharap dengan bantuan ini

dapatlah perjalanan Politeknik ini lebih bagus lagi pada masa akan datang. Dengan sebab itu, kita ada satu provision dalam Rang Undang-undang ini bagi mereka itu dapat menderma kepada Sekolah Politeknik ini.

Sekianlah sahaja penjelasan saya, Tuan Yang di-Pertua,

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawa.ankuasa*)

Fasal 1 hingga 17 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 26hb Julai, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.37 petang.